

WANITA INDIA DI LADANG
DAN HAK REPRODUKTIFNYA : SATU
KAJIAN KES DI LADANG TELUK MERBAU.

VANITHA PONNUSAMY
NO. MATRIK : 060271

LATIHAN ILMIAH
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA,
59100 KUALA LUMPUR
SESI 1992/93

Sekapur Sirih

Salam sejahtera,

Saya amat berterima kasih kepada Dr. Roziah Omar yang sudi menjadi penyelia saya. Segala tunjuk ajar beliau di dalam kerja lapangan dan latihan ilmiah adalah amat dihargai.

Saya juga ingin merakamkan setinggi terimakasih kepada Pn. Rita Raj Hashim di atas bantuan kewangan dan nasihat beliau di dalam menjalankan kerja lapangan.

^Terima kasih^ juga diucapkan kepada pengurus Ladang Teluk Merbau yang telah memberi kerjasama dengan sepenuhnya di dalam menguruskan tempat tinggal serta perlaksanaan kerja lapangan di ladang tersebut. Beliau juga sentiasa bersedia untuk memberi maklumat yang dikehendaki mengenai pengurusan dan latarbelakang ladang.

Saya juga menghargai pertolongan Pn. Pillai, jururawat terlatih di klinik ladang yang telah banyak memberi maklumat informal bagi kajian saya.

Keluarga tercinta dan rakan-rakan akrab saya, Geraldine, Lucy dan Maheshchander yang turut memberi sokongan di dalam penulisan latihan ilmiah ini, terima kasih saya ucapkan.

Akhir sekali, saya berasa amat bersyukur kepada tuhan kerana dapat menyiapkan Latihan Ilmiah walaupun melalui pelbagai rintangan.

Sekian, terima kasih.

VANITHA PONNUSAMY

FAKULTI SASTERA DAN SAINS SOSIAL.

1993

DAFTAR KANDUNGAN

MUKA SURAT

SEKAPUR SIRIH	i - ii
DAFTAR KANDUNGAN	iii - v
SENARAI JADUAL	vi
SINOPSIS	vii - viii

BAB I

1 - 12

1.0	WANITA INDIA DI LADANG DAN HAK REPRODUKTIFNYA.	1
1.1	PENDAHULUAN	1 - 2
1.2	OBJEKTIF KAJIAN INI	2 - 3
1.3	BIDANG KAJIAN	3
1.4	SIGNIFIKAN KAJIAN	4 - 5
1.5	KAEDAH KAJIAN	5 - 9
	1.5.1 PROSEDUR "SAMPLING"	6 - 7
	1.5.2 PENGUMPULAN DATA	7 - 9
1.6	MASALAH-MASALAH KAJIAN	9 - 12

BAB 213 - 28

2.0	LATARBELAKANG LADANG TELUK MERBAU	13
2.1	LOKASI DAN SEJARAH LADANG	13
2.2	SAIZ LADANG	14 - 15
2.3	STRUKTUR DEMOGRAFI	15 - 17
2.4	KEMUDAHAN ASAS DI LADANG	20 - 28
	2.5.1 PERUMAHAN	20 - 21
	2.5.2 KESIHATAN	21 - 22
	2.5.3 BEKALAN AIR & ELEKTRIK	22 - 24
	2.5.4 KUIL	24
	2.5.5 "CRECHE" DAN TADIKA	24 - 27
	2.5.6 SEKOLAH	27
	2.5.7 KEMUDAHAN-KEMUDAHAN LAIN	27 - 28
2.6	KESIMPULAN	28

BAB 329 - 39

3.0	BEBERAPA KONSEP DAN TEORI	29
3.1	KONSEP HAK REPRODUKTIF	29 - 31
3.2	PERANAN LELAKI DAN WANITA : PERSPEKTIF ANTROPOLOGI	31 - 35
3.3	PERANAN WANITA : PERSPEKTIF HINDU	35 - 37
3.4	PERANAN WANITA INDIA DI LADANG	37 - 39

BAB 4

40 - 48

4.0	LATARBELAKANG RESPONDEN	40
4.1	UMUR DAN STATUS PERKAHWINAN	40 - 41
4.2	UMUR BERKAHWIN	41 - 42
4.3	TARAF PENDIDIKAN RESPONDEN	42 - 44
4.4	SAIZ KELUARGA	45 - 46
4.5	PENDAPATAN SEISI RUMAH	47 - 28

BAB 5

49 - 69

5.0	PERBINCANGAN	49
5.1	PERKAHWINAN	49 - 56
5.2	"CHILDBEARING"	56 - 62
5.3	PERANCANG KELUARGA	62 - 69

BAB 6 (KESIMPULAN)

70 -79

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

JADUAL 2.1 : PENGGUNAAN TANAH.

JADUAL 4.1 : UMUR DAN STATUS PERKAHWINAN
RESPONDEN.

JADUAL 4.2 : TARAF PENDIDIKAN RESPONDEN.

JADUAL 4.3 : SAIZ KELUARGA RESPONDEN.

JADUAL 4.4 : JUMLAH PENDAPATAN KELUARGA.

SINOPSIS

Latihan ilmiah ini adalah sebuah kajian kes mengenai hak reproduktif di kalangan wanita India di Ladang Teluk Merbau. Penumpuannya adalah untuk mengenal pasti sama ada wanita India di sini mempunyai hak reproduktif serta tanggapan mereka mengenainya. Kajian ini dibahagi kepada beberapa bab untuk memberi gambaran yang lebih jelas dan sistematik.

Bab pertama mengandungi secara amnya objektif, skop dan signifikan kajian. Selain itu terdapat juga maklumat tentang kumpulan yang dikaji, metodologi dan masalah yang dihadapi di dalam kajian ini.

Bab kedua merupakan penerangan mengenai latarbelakang Ladang Teluk Merbau yang merangkumi lokasi, saiz ladang, demografi dan struktur pekerjaan. Kemudahan-kemudahan yang terdapat di ladang ini juga diterangkan di dalam bab ini.

Bab ketiga menyentuh tentang konsep dan teori-teori yang digunakan dalam kajian ini. Perhatian yang lebih telah diberikan kepada konsep peranan.

Bab keempat pula memberi maklumat mengenai

latarbelakang responden. Di antaranya ialah umur, responden, tahap pelajaran, saiz keluarga dan pendapatan seisi rumah.

Bab lima membentangkan hasil kajian ini. Khususnya ia menyentuh mengenai persoalan hak reproduktif wanita dari tiga aspek iaitu perkahwinan, "childbearing" dan perancang keluarga. Perbincangan mengenai kesedaran wanita akan hak reproduktifnya serta faktor-faktor yang mempengaruhinya turut dibincangkan.

Bab enam pula menyimpulkan segala perbincangan akan hasil kajian yang telah dibuat. Beberapa cadangan juga telah diberi untuk mengatasinya.

BAB 1

Wanita India di ladang dan hak reproduktifnya.

(Sebuah kajian kes di Ladang Teluk Merbau, Sungai Pelek)

1.1 Pendahuluan

Negara-negara membangun seringkali mengamalkan pembahagian buruh secara jantina. Biasanya, kaum lelaki akan diberikan peranan utama di dalam produksi ataupun secara langsung terlibat di dalam peningkatan pendapatan. Manakala wanita pula lebih ditekankan tanggungjawabnya di dalam reproduksi dan tugas-tugas harian di dalam memelihara dan menjaga ahli-ahli keluarga (kerja yang tidak dibayar upah).

Pembahagian sebegini memberi gambaran bahawa kaum lelaki lebih dipentingkan di dalam mempertingkatkan tahap-tahap pertumbuhan ekonomi. Sementara kaum wanita pula lebih berperanan sebagai pembekal tenaga buruh yang berterusan untuk produktiviti. Justeru itu kajian ini telah dijalankan untuk mengesan sama ada kaum wanita mempunyai hak-hak reproduktif, terutamanya mereka yang tinggal di luar bandar dan terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah. Hak-hak reproduktif adalah penting untuk menghindari kaum wanita

daripada dieksploitasi oleh kaum lelaki ataupun mana-mana dasar kerajaan.

1.1 Objektif Kajian Ini

Kajian ini mempunyai tiga objektif utama:

- 1) Meneliti sama ada wanita-wanita boleh membuat keputusan di dalam hal-hal yang berkaitan dengan reproduksi mereka. Ia juga akan mengkaji bagaimana wanita di dalam kehidupan sehariannya berhadapan dengan isu-isu "childbearing", pencegahan hamil, pengguguran anak, perkahwinan dan alam keibuan ("motherhood").
- 2) Menilai pandangan wanita-wanita India yang merangkumi pelbagai lingkungan umur terhadap hak-hak reproduktif mereka. Lingkungan umur yang berbeza boleh memperlihatkan pandangan di dalam menanggapi isu-isu yang berkaitan dengan hak-hak reproduktif.
- 3) Mengkaji sama ada faktor-faktor sosiobudaya dan ekonomi mempengaruhi hak-hak reproduktif wanita-wanita India di ladang. Faktor-faktor sosiobudaya yang terlibat adalah seperti nilai-nilai tradisional, pantang larang dan sebarang program untuk merancang bilangan ahli keluarga. Manakala faktor-faktor ekonomi pula mencakupi penglibatan wanita-wanita di dalam pekerjaan (sebagai buruh yang dibayar upah), pendapatan sebuah

keluarga serta hal-hal yang berkaitan dengan kewangan.

1.3 Bidang Kajian

Kajian ini hanya melibatkan wanita India yang menetap di sebuah ladang kelapa sawit. Kebanyakan wanita-wanita India ini tidaklah fasih dalam Bahasa Malaysia ataupun Bahasa Inggeris. Pengkaji sebagai seorang India merasakan perlunya membuat kajian mengenai komunitinya sendiri, dengan harapan akan mendapat kerjasama yang lebih daripada mereka memandangkan bahasa bukanlah satu halangan lagi.

Wanita-wanita India yang dikaji terdiri daripada mereka yang berumur 15 hingga 55 tahun. Had minimum umur yang dipilih adalah berdasarkan kepada andaian bahawa kebanyakan gadis akan mula berkahwin pada umur tersebut. Manakala umur maksimum yang ditentukan adalah 55 kerana kebanyakan wanita akan putus haid apabila menjangkau umur tersebut. Dengan itu wanita tidak dapat lagi menjalankan fungsi reproduktifnya.

Kajian-kajian hak reproduktif di kalangan wanita India ini akan merangkumi aspek perkahwinan, "childbearing" dan perancang keluarga. Selain itu isu-isu seperti haid, penganiayaan domestik, penyakit kelamin dan putus haid juga adakalanya disoalkan untuk meneliti lagi hak reproduktif wanita India.

1.4 Signifikan Kajian

Pada tahun 1972, Persatuan Kesihatan Sedunia (WHO) telah membentuk "Special Programme of Research, Development and Research Training in Human Reproduction"(HRP). Program ini dibentuk kerana meningkatnya minat umum di dalam kajian reproduktif manusia. Seterusnya ia mencerminkan kesedaran yang semakin meningkat di dalam reproduksi manusia, di mana ia memberi kesan yang meluas kepada kesihatan wanita dan kanak-kanak, populasi, pembangunan sosioekonomi dan persekitaran sedunia. Sejajar dengan ini pengkaji telah memilih kajian mengenai hak-hak reproduktif dan memfokuskannya di kalangan wanita India di ladang.

Kaum India yang menetap di ladang memang menjadi tumpuan kajian sejak beberapa dekad yang dahulu. Kebanyakannya adalah tertumpunya kepada keadaan sosioekonomi dan sosio budaya orang-orang India di ladang. Kajian-kajian mengenai kesihatan pula, khususnya reproduksi adalah sedikit sahaja.

C.P.Ramachandran (1970), Kandiah dan Lim (1977) membuat kajian mengenai malnutrisi. Sementara Senan (1976) mengaitkan taraf kesihatan dengan sanitasi persekitaran dan kejahilan mengenai penggunaan kemudahan-kemudahan kesihatan.

Reproduksi pula diberi perhatian yang bera-singan oleh ahli-ahli perubatan. Di antaranya ialah Kunaletchumy Poopalasingham yang membuat satu kajian

perbandingan mengenai perancang keluarga di dua buah ladang. Selain itu Teoh (1975), Balakrishnan dan Hasbulla bin Hj. Hussein (1977) membuat kajian-kajian yang berkaitan dengan penyusuan susu ibu.

Walau bagaimanapun tiada kajian yang menyeluruh dan menyentuh hak reproduktif wanita secara spesifik. Lantaran itu kajian ini yang mengambil pendekatan antropologi amnya dan etnografi khususnya merupakan salah satu daripada kajian sulung di dalam penyelidikan mengenai hak reproduktif.

Hasil kajian ini juga berguna untuk mendalami persoalan-persoalan mengenai hak-hak reproduktif. Sekiranya hasil kajian ini menunjukkan kesedaran hak yang rendah, maka badan-badan bukan kerajaan ataupun agensi kerajaan boleh merancang beberapa cara untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenainya di kalangan wanita India di ladang. Kajian ini juga boleh digunakan sebagai sumber rujukan oleh para penuntut di masa hadapan yang ingin membuat satu kajian perbandingan di kalangan pelbagai kumpulan etnik di Malaysia.

1.5 Kaedah Kajian

Pengkaji menggunakan kaedah etnografi di dalam membuat kerja lapangan ini. Melalui kaedah ini pengkaji mengumpul riwayat hidup responden-responden yang terpilih. Kajian yang bercorak begini penting kerana riwayat hidup mendedahkan pengalaman-pengalaman yang berbeza di dalam hidup responden. Pendekatan ini

lebih bersifat holistik kerana ia membenarkan seseorang responden itu bercakap secara bebas.

Keseluruhan proses mengumpul riwayat hidup ini melibatkan seseorang itu menceritakan hidupnya secara terperinci di dalam suasana yang tanpa gangguan atau yang minimum. Lama kelamaan responden akan mula berasa senang dengan pengkaji dan tidak akan wujud satu tembok penghalang di antara responden dan pengkaji. Segala temubual mengenai riwayat hidup ini telah dirakamkan dengan kebenaran responden terlebih dahulu.

Walaupun responden bebas menceritakan apa jua namun satu rangka soalan-soalan telah disediakan untuk menekankan lebih kepada maklumat-maklumat yang dikehendaki bagi kajian. Oleh itu sekiranya pengkaji hendak mencelah untuk mengawal temubual itu, ia hendaklah dibuat tanpa menyinggung perasaan responden.

1.5.1 Prosedur "Sampling"

Pengkaji menggunakan analisis secara rangkaian untuk mendapatkan responden. Apabila sampai di tempat kajian pengkaji diperkenalkan kepada salah seorang daripada pekerja di ladang. Melaluinya pengkaji mengenali wanita-wanita yang bakal menjadi responden. Tujuan menggunakan seorang "key informant" ini adalah untuk memudahkan pengkaji mendapatkan responden yang merangkumi lingkungan umur 15 hingga 55 tahun.

Selain itu pengkaji juga tidak ingin menghadkan responden kepada yang berkahwin sahaja tetapi juga

yang belum berkahwin ataupun balu. Dengan adanya "key informant" ini juga, sedikit sebanyak latarbelakang seseorang responden akan dapat diketahui sebelum ditemubual.

1.5.2 Pengumpulan Data

Di dalam kajian ini dua sumber maklumat yang utama telah digunakan, iaitu data primer dan data sekunder. Data primer mencakupi kerja-kerja lapangan yang telah dijalankan di Ladang Teluk Merbau, Sungai Pelek. Kerja-kerja lapangan ini pula mengambil masa selama dua bulan.

Sebelum memulakan kerja lapangan yang sebenarnya, satu "pretest" telah dijalankan di sebuah ladang yang berhampiran dengan rumah pengkaji. Seramai tiga orang telah dipilih untuk tujuan tersebut. "Pretest" diadakan untuk mengesan keberkesanan soalan-soalan yang terdapat di dalam "framework" serta penyesuaian diri pengkaji dengan situasi temubual dan soalan-soalan yang hendak ditanya.

Masa untuk menemubual adalah tidak tetap. Pada kebiasaannya responden akan ditemui dari pukul 5.00 p.m hingga 9.00 p.m. Temubual ini tidak dapat dilangsungkan pada waktu pagi. Kebanyakan wanita India di ladang akan keluar bekerja pada pukul 7.00 a.m dan hanya akan balik pada waktu tengahari (dari 12.00 p.m hingga 3.30 p.m).

Bagi wanita yang tidak bekerja pula, mereka akan sibuk menguruskan rumahtangga dan kerja-kerja harian di rumah. Manakala wanita-wanita yang bekerja pula akan membuat kerja rumah setelah balik dari kerja. Dengan itu waktu yang paling baik untuk menemu-bual mereka adalah lewat petang ataupun malam.

Walau bagaimanapun temubual ini tidak dapat dijalankan pada hari Ahad kerana wanita-wanita di ladang lebih suka menghabiskan masa dengan keluarga mereka. Ada juga yang akan keluar menziarahi saudara mara yang tinggal berdekatan.

Ladang Teluk Merbau adalah sangat luas (akan dibincangkan dengan lebih terperinci di dalam bab2) dan kini hanya ada dua divisyen yang masih dihuni oleh pekerja-pekerja ladang. Ia adalah "Home Division" dan Ladang Pengkalan Manggis. Pada bulan yang pertama, pengkaji membuat kajian di "Home Division" dan tinggal di rumah seorang jururawat terlatih yang bekerja di klinik ladang.

Pada bulan yang berikutnya pula pengkaji menyambung kajian di Ladang Pengkalan Manggis dan tinggal di rumah pekerja ladang iaitu dua orang adik-beradik dengan anak saudara mereka. Oleh kerana pengkaji tinggal di kawasan kajian maka tiada kesulitan di dalam pengangkutan ke rumah responden, hanya perlu berjalan kaki sahaja.

Maklumat-maklumat tambahan bagi kajian ini juga diperolehi daripada pengurus ladang, "hospital attendant"(H.A) dan juga jururawat terlatih di klinik ladang melalui temubual secara informal. Pemerhatian akan kehidupan seharian di ladang juga memberi maklumat yang berguna untuk disemak semula semasa menjalankan temubual dengan responden-responden.

Data sekunder pula diperolehi daripada penyelidikan di perpustakaan. Penyelidikan perpustakaan di dalam aspek reproduktif dan haknya adalah berguna untuk mendapatkan satu gambaran yang umum mengenai perkara yang hendak dikaji dan untuk mengidentifikasikan beberapa definisi dan konsep. Perpustakaan-perpustakaan yang digunakan untuk mengumpul data-data sekunder ialah:-

- 1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
- 2) Perpustakaan Perubatan Universiti Malaya.
- 3) Perpustakaan Undang-Undang Universiti Malaya.
- 4) Perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi.

1.6 Masalah-Masalah Kajian

Lazimnya setiap kajian tidak akan lari daripada menghadapi masalah. Begitu juga dengan kajian ini yang menghadapi beberapa masalah terutamanya semasa membuat kerja lapangan.

Masalah yang paling utama ialah masa yang agak singkat untuk menjalankan kajian seumpama ini.

Kajian bercorak riwayat hidup ini memakan masa yang lama. Pengkaji harus kembali kepada responden lebih kurang empat atau lima kali.

Kadangkala adalah sukar untuk mendapatkan responden itu berseorangan di rumah tanpa gangguan daripada anak-anak atau suami untuk masa yang panjang. Pengkaji terpaksa memilih waktu suami responden tiada di rumah, untuk membolehkan responden lebih senang menjawab soalan tanpa segan silu. Justeru itu isu-isu sampingan yang berkaitan dengan hak reproduktif tidak dapat ditanya dengan sepenuhnya kepada semua responden.

Suatu lagi kesulitan yang ditempuhi ialah apabila pengkaji tinggal di Ladang Pengkalan Manggis. Pengkaji telah tinggal di rumah pekerja yang tanpa disedarinya adalah berkasta rendah. Rumah ini dipilih kerana ahli keluarganya yang tidak ramai (hanya tiga orang) dan mampu menumpang pengkaji.

Sistem kasta masih luas diamalkan di kalangan orang India di ladanag. Sikap prejudis terhadap mereka yang berkasta rendah masih lagi dipraktikkan dengan tegas. Oleh kerana pengkaji tinggal di rumah tersebut maka pengkaji juga digolongkan sebagai orang yang berkasta rendah. Lantaran itu dia juga menjadi sasaran sikap prejudis ini.

Lebih kurang seminggu yang pertama ramai wanita yang enggan memberi kerjasama untuk ditemubual. Ada yang memberi pelbagai alasan dan sanggup menyuruh

anak mereka berbohong dengan mengatakan bahawa mereka tiada di rumah. Perkara ini paling kerap dialami. Pengkaji sering pergi ke satu rumah beberapa kali dan gagal menemui wanita tersebut walaupun telah ditetapkan temujanji terlebih dahulu.

Seperkara lagi yang timbul seiring dengan ini ialah kebanyakan wanita di ladang tidak mengambil berat tentang temujanji. Kerapkali apabila si suami memanggil mereka untuk membuat kerja tambahan atau hendak keluar, mereka akan menurutinya tanpa mengendahkan temujanji tersebut.

Walau bagaimanapun masalah ini dapat di atasi apabila pengkaji berkenalan dengan sebuah keluarga yang tidak mengamalkan sistem kasta ini dengan kuat. Wanita dari keluarga itu telah bersimpati dengan situasi pengkaji lalu memperkenalkannya sebagai saudara wanita tersebut. Dia memberi sebab untuk tinggal di rumah tersebut ialah kerana tiada tempat kosong di rumahnya. Oleh kerana dia mempunyai perwatakan yang disenangi oleh kebanyakan penghuni ladang maka pengkaji diterima oleh mereka.

Masalah lain yang dihadapi ialah mendapatkan jawapan bagi soalan-soalan yang agak sensitif dan peribadi. Walaupun responden berasa agak selesa dengan pengkaji setelah mengunjunginya beberapa kali namun adalah sukar untuk mendapatkan kepercayaan yang sepenuhnya daripada mereka. Ada beberapa responden yang masih malu dan tidak selesa atau enggan menjawab

sesetengah soalan-soalan yang berkaitan dengan hubungan seks ataupun perancang keluarga.

Kadangkala pengkaji terfikir bahawa ada beberapa maklumat yang dirahsiakan di atas sebab-sebab peribadi. Hal ini adalah sejajar dengan satu pepatah India yang berbunyi **"Tell the truth but not the unpleasant truth."** Namun demikian masalah ini telah cuba dikurangkan sejauh mana yang boleh dengan pemerhatian peribadi serta pergaulan yang informal dengan wanita-wanita di situ.

BAB 2

Latar belakang Ladang Teluk Merbau.

2.1 Lokasi dan Sejarah Ladang.

Ladang Teluk Merbau terletak 60 km ke barat daya Kuala Lumpur, iaitu di daerah Sepang. Sememangnya ladang ini terkenal dengan pengeluaran hasil kelapa sawit secara besar-besaran. Tuanpunya ladang ini ialah East Asiatic Company (Malaysia) Berhad, sebuah syarikat Denmark yang telah mula bertapak di Malaysia pada tahun 1905. Ia telah mula memajukan ladang ini pada tahun 1916 dan masih kekal sehingga kini.

Pada asalnya ladang ini ditanam dengan kelapa, yang kemudiannya telah diganti dengan kelapa sawit dalam tahun 1951. Kawasan ladang ini sebenarnya merupakan sebuah teluk yang dipenuhi hutan kayu balak dari jenis merbau. Dari situlah datangnya nama Teluk Merbau. Di sepanjang pinggir kawasan ini terdapat pantai yang menjadi tempat peranginan dan perikanan bagi penduduknya. Ramai pekerja-pekerja ladang menjala ikan sebagai pendapatan tambahan ataupun sebagai sumber makanan untuk seisi keluarga.

2.2 Saiz Ladang

Ladang Teluk Merbau adalah seluas 3,152.27 hektar. Ia merangkumi lima bahagian iaitu "Home Division", Ladang Pengkalan Manggis, Sepang Kechik, Tanjung Rhu dan Sungai Belankan. Kini hanya "Home Division" dan Ladang Pengkalan Manggis mempunyai kawasan perumahan serta diikuti oleh beberapa rumah di kawasan Sepang Kechik. Satu skim perumahan kos rendah telah diadakan dengan kerjasama Bank Commerce dan pihak pengurusan ladang. Di bawah skim ini pihak pentadbir akan membayar 40 % daripada kos rumah dan 60 % lagi akan dibayar oleh para pekerja yang mendapat pinjaman daripada Bank Commerce. Kawasan perumahan ini terletak di antara Ladang Pengkalan Manggis dan Tanjung Rhu serta digelar Taman Teluk Merbau. Berikut adalah jadual yang menunjukkan penggunaan tanah di ladang.

Jadual 2.1

Penggunaan Tanah	Hektar
Pertanian	3071.47
Perumahan	20.29
Projek Udang Galah	3.97
Kebun dan Padang Bola sepak	3.93
Kebun Orkid	2.02
Pelbagaiguna	2.70
Tanah Terbiar	41.89
Jumlah	3152.27

*sumber maklumat daripada pengurus ladang

Oleh kerana ladang ini adalah sangat luas maka ia menjalankan pemerosesan kelapa sawitnya sendiri. Kelapa sawit diproses untuk menjadi "crude palm oil" dan mengeluarkan sebanyak 13,000 tan isirung kelapa sawit.

Jadual ini juga menunjukkan penggunaan tanah untuk Projek Udang Galah. Ia adalah satu langkah ladang untuk mempelbagaikan hasil keluarannya. Projek ini meliputi 2.02 hektar sepanjang pantai Teluk Merbau dan mempunyai enam kolam "mariculture".

2.3 Struktur Demografi

Orang India merupakan etnik yang paling ramai tinggal diladang ini. Hal ini berkait rapat dengan perkembangan sejarah pada penghujung abad ke 19 dan awal abad ke 20, di mana berlakunya penghijrahan secara besar-besaran penduduk India Selatan di bawah sistem Kangani dan Kontrak ke Tanah Melayu untuk bekerja di sektor perladangan.

Kini kebanyakan orang-orang India yang tinggal di Ladang Teluk Merbau adalah daripada generasi imigran yang ketiga atau keempat. Selain daripada orang India terdapat juga orang Melayu, Cina dan buruh kontrak dari Indonesia yang bekerja di ladang ini.

Kebanyakan keluarga di ladang adalah terdiri

daripada keluarga nuklear. Purata keluarga di ladang mempunyai bilangan ahli keluarga seramai enam orang. Seperkara lagi yang harus diperhatikan ialah wujudnya satu rangkaian sosial di kalangan penduduk ladang. Ramai daripada pekerja-pekerja di ladang ini mempunyai tali persaudaraan, sama ada melalui perkahwinan ataupun saudara sedarah. Hal ini juga berkaitan dengan sejarah penghijrahan orang India ke Tanah Melayu di bawah sistem Kangani.

Di bawah sistem ini kangani dilantik oleh agen di sebuah kampung dan bertanggungjawab untuk memujuk ramai penduduk kampung itu berhijrah ke Tanah Melayu. Kangani akan memujuk kebanyakan saudara maranya untuk berhijrah. Lantaran itu sekelompok saudara-mara akan berhijrah ke Tanah Melayu dan tinggal bersama di dalam sebuah ladang lantas mengekalkan tali persaudaraan mereka.

Satu lagi fenomena yang begitu ketara dilihat di kalangan penduduk di sini ialah pilihan untuk bekerja di kilang. Menurut pengurus ladang ini, ramai penduduk ladang terutamanya golongan muda lebih gemar bekerja di kilang. Mereka beranggapan bahawa kerja di kilang adalah lebih ringan dan lebih tinggi upahnya. Ada juga yang memilih untuk bekerja di kilang kerana berfikir bahawa dia tidak akan dikenali sebagai pekerja ladang yang bertaraf rendah. Stigma sosial ini

adalah lebih cenderung untuk dihapuskan oleh golongan muda.

Setiap keluarga hanya perlu seorang untuk bekerja di ladang agar dapat kemudahan perumahan di ladang. Oleh itu ahli keluarganya yang lain akan mengalih perhatian ke kilang untuk bekerja. Apabila dihalusi situasi ini pengkaji mendapati bahawa mobiliti sosial mengambil tempat secara perlahan dan berkemungkinan tidak akan wujud lagi pekerja India di ladang pada masa hadapan. Kini keadaan ini dapat dilihat dengan pengambilan buruh kontrak dari Indonesia untuk memenuhi kekurangan buruh di ladang.

2.4 Struktur Pekerjaan

Ladang Teluk Merbau boleh dibahagikan kepada tiga kelas iaitu pengurusan, kakitangan dan buruh. Di dalam struktur pekerjaan terdapat dua perbezaan utama. Yang pertama ialah pihak pengurusan dan kakitangan yang menerima gaji bulanan. Manakala buruh-buruh akan dibayar mengikut hasil usahanya dalam sehari.

Perbezaan yang kedua ialah adanya sifat bias di dalam pekerjaan ladang. Pihak pengurusannya hanya terdiri daripada kaum lelaki. Bagi kakitangan pula hanya sebilangan kecil kaum wanita yang digaji iaitu 4 daripada 32 jumlah keseluruhannya. Namun demikian ladang ini buat pertama kalinya mempunyai seorang

pembantu polis wanita. Akan tetapi pengkaji berfikir bahawa sudah tiba masanya majikan menggaji pula wanita di dalam bahagian pengurusan.

Mengikut lampiran 1, akan didapati bahawa pengurus Ladang Teluk Merbau merupakan orang yang paling berkuasa. Walau bagaimanapun beliau adalah bertanggungjawab kepada Pengarah Eksekutif Ladang EAC (MALAYSIA), yang seterusnya bertanggungjawab kepada Pengarah Pegurusan EAC (MALAYSIA). Sebagai seorang pengurus, masa paginya dihabiskan dengan mengawasi kerja-kerja perladangan. Sementara waktu petang pulka dihabiskan dengan kerja-kerja pejabat. Tugas pengurus juga dibantu oleh beberapa orang pegawai di bawahnya. Penolong Pengurus dan Penolong Junior membantunya dalam aspek perladangan, jururtera kilang membantunya di dalam aspek perkilangan dan Pengurus Projek Udang pula bertanggungjawab bagi projek tersebut.

Kakitangan pula terdiri daripada 7 orang yang bertugas di dalam bahagian pentadbiran, 2 orang bagi perubatan, 2 orang bagi penyelenggaraan kilang dan yang lainnya adalah konduktor-konduktor.

Konduktor adalah sebagai penyelia kepada pekerja-pekerja ladang dan juga membuat kerja-kerja pejabat. Setiap pagi pekerja-pekerja melapor kepada mereka sebelum memulakan tugas harian. Kerja utama konduktor adalah untuk mengawasi pekerja di tempat

kerja mereka. Oleh kerana konduktor ini mempunyai kuasa secara formal dan informal ke atas pekerja ladang di dalam aspek pembahagian pokok, pengukuran berat buah kelapa sawit dan penilai kerja, mereka menjadi orang yang berkuasa di dalam kelas buruh.

Kakitangan di dalam bahagian perubatan pula terdiri daripada seorang "Hospital Attendant"(H.A) dan seorang jururawat terlatih. H.A bertanggungjawab dalam merawat penyakit-penyakit yang tidak serius dan mengeluarkan sijil cuti sakit jika perlu. Tugasnya yang lain adalah untuk memeriksa persekitaran ladang untuk memastikan agar ia sesuai untuk kehidupan yang sihat. Dia dibantu oleh oleh seorang jururawat terlatih yang memberikan rawatan sekiranya H.A uzur atau tidak menghadirkan diri ke klinik. Jururawat ini juga merupakan bidan yang terlatih dan dia menyambut kelahiran anak semasa hospital ladang masih berfungsi. Selain itu jururawat ini juga memeriksa pembekalan susu tepung ke "creche"(iaitu tempat menjaga anak-anak pekerja-pekerja ladang).

Ladang ini adalah berbeza sedikit dengan ladang-ladang lain kerana ia mempunyai kilang memeroses kelapa sawitnya sendiri. Kakitangan di sini memastikan kelancaran produktiviti dan menyelia pekerja-pekerja yang bekerja di kilang ini.

Pada keseluruhannya struktur organisasi

adalah agak tegar dan tiada skop yang begitu luas untuk mobiliti. H.A, kerani ataupun konduktor tidak berpeluang untuk memperbaiki kedudukan mereka walaupun mereka boleh mendapat kemudahan perumahan yang lebih baik. Manakala bagi pekerja-pekerja ladang pula mereka hanya boleh menjadi seorang mandur. Namun ini adalah sukar kerana bilangan mandur adalah kecil. Lantaran itu pekerja-pekerja ini terperangkap dalam situasi yang tidak membenarkan mobiliti pekerjaan.

2.5 Kemudahan Asas di Ladang.

Setiap ladang akan menyediakan beberapa kemudahan asas untuk pekerja-pekerjanya. Dengan adanya kemudahan-kemudahan tersebut, pihak pentadbiran berfikir bahawa pekerja-pekerja ladang akan terus tinggal dan bekerja di ladang.

2.5.1 Perumahan

"Worker's Minimum Standard of Housing Act" 1966 telah mengarahkan pengurusan untuk menyediakan rumah yang luasannya tidak kurang 260 kaki persegi bagi penghuni rumah yang tidak lebih dari 5 orang dewasa.

Di ladang ini tiada lagi rumah papan. Sebaliknya ia telah digantikan dengan rumah batu berkembar. Setiap rumah hanya mempunyai satu pembahagian di

tengah rumah, kerana tiada pintu untuk bilik. Di belakang rumah terdapat sebuah dapur kecil dan sebuah bilik mandi yang kecil. Tandas tidak disediakan di dalam rumah tetapi merupakan tandas awam yang dikongsi bersama (2 rumah berkongsi sebuah tandas). Pengguna harus menyimbah dengan air setelah menggunakannya.

Saiz rumah ini sememangnya tidak cukup untuk keluarga besar, apatah lagi untuk anak-anak belajar. Ruang tamu seringkali menjadi tempat tidur kerana bilik tidur tidak mencukupi. Ini menyusahkan anak-anak untuk belajar di waktu malam kerana kebanyakan ibu bapa mereka tidur awal. Seorang penuntut S.P.M. merungut kepada pengkaji kerana tidak dapat belajar lebih lama di sebelah malam kerana lampu akan dipadamkan oleh ibu bapanya. Dia juga tidak boleh belajar di waktu siang kerana sangat bising. Justeru itu rumah yang disediakan oleh pihak ladang, walaupun menepati Akta Minimum Perumahan namun ia masih lagi sesak dan kecil untuk kebanyakan keluarga-keluarga yang tinggal di ladang.

2.5.2 Kesihatan

Undang-undang buruh juga memperuntukkan bahawa majikan bertanggungjawab ke atas kesihatan pekerja dan keluarganya. Oleh kerana Ladang Teluk Merbau ini adalah luas maka sebuah hospital telah

disediakan di "Home Division". Akan tetapi hospital ini telah ditutup sekarang dan hanya klinik yang masih berfungsi.

Klinik desa dibuka dari pukul 7.00 a.m. hingga 5 p.m. Waktu makan tengahari ialah dari pukul 1.00 p.m hingga 3.00 p.m. Pada pukul 7.00 a.m hingga 9.30 a.m, kedua-dua kakitangan perubatan akan pergi ke bahagian-bahagian lain untuk merawat pesakit-pesakit di situ. Apabila selesai, mereka akan kembali ke klinik di mana mereka akan berada sehingga petang. Kes bersalin akan di hantar ke hospital kerajaan di Banting, Seremban ataupun Port Dickson. Pengangkutan akan disediakan oleh pihak pengurusan ladang. Bagi kes-kes kecemasan pula mereka boleh menuntut balik wang yang dibelanjakan ke atas pengangkutan untuk tujuan tersebut.

Selain daripada perkhidmatan kesihatan yang percuma, pekerja juga boleh mendapatkan rawatan secara percuma daripada klinik swasta yang dipunyai oleh "Visiting Medical Officer"(VMO) bagi ladang tersebut. Klinik ini terletak di pekan Sungai Pelek yang hanya satu batu jauhnya dari klinik ladang.

2.5.3 Bekalan Air dan Elektrik

Pihak pengurusan membekalkan air dengan percuma kepada setiap rumah. Bekalan air adalah 24 jam

tetapi satu paip harus dikongsi oleh 8 buah rumah. Kadangkala ini akan mencetuskan pergaduhan di antara wanita-wanita kerana ada yang tidak ingin bertolak ansur dalam mengambil air. Apabila aduan diterima oleh pihak pengurusan, satu paip air telah dipasang dengan lapan kepala paip. Walaupun ini telah memberhentikan pergaduhan namun pengaliran air telah menjadi lebih kecil.



Gambar menunjukkan paip yang dikongsi oleh 8 buah rumah

Bekalan elektrik pula dibekalkan oleh Tenaga Nasional Berhad. Oleh itu penduduk haruslah membayar bil elektrik. Hal ini tidak menjadi masalah kerana

komuniti ladang dapat menikmati bekalan elektrik berterusan sepanjang hari.

2.5.4 Kuil

Setiap bahagian ladang ini mempunyai kuilnya yang sendiri. Ia selaras dengan pepatah India yang berbunyi "Jangan menetap di tempat yang tiada kuil". Kuil Maha Mariamman merupakan dua buah kuil yang popular di sini. Setiap bahagian akan mempunyai satu kuil Maha Mariamman dan sebuah bangunan kecil disebelahnya yang dikhaskan untuk Dewa Muniandy. Setiap tahun akan diadakan satu perayaan "Tiruvilla" bagi kuil-kuil ini. Ia adalah salah sebuah perayaan yang meriah selepas "Thaiponggal" di mana pekerja-pekerja akan diberi dua hari cuti tanpa gaji. Selalunya ada pekerja yang akan bekerja untuk menuntut "overtime".

2.5.5 "Creche" dan Tadika

Kini hanya "Home Division" dan Pengkalan Manggis yang masih mempunyai "creche" memandangkan hanya di kedua-dua bahagian ini yang masih mempunyai rumah pekerja-pekerja ladang.

"Creche" adalah sebuah tempat jagaan kanak-kanak semasa ibu bapa pergi bekerja dan ia dibuka dari pukul 7.00 a.m hingga 3.30 p.m. Pihak pengurusan telah menggaji dua orang penjaga di Pengkalan Manggis dan seorang di "Home Division", kerana Pengkalan Manggis

mempunyai lebih ramai kanak-kanak untuk dijaga. Penjaga ini tidak menjalani apa jua latihan di dalam penjagaan kanak-kanak. Mereka hanya diminta menjaga kanak-kanak seperti menjaga anak mereka sendiri. Jika adapun sebarang pengetahuan mengenai penjagaan kanak-kanak yang lebih baik ia hanya di perturunkan daripada penjaga yang sebelumnya kepada yang menjaga sekarang.

Kanak-kanak yang berada di sini ialah mereka yang berumur kurang dari lima tahun. Ibu bapa akan meninggalkan mereka dengan bekalan makanan yang bera-singan di dalam sebuah bakul. Di sini tiada sebarang alat permainan untuk kanak-kanak. Apabila ditanya kepada penjaga, didapati bahawa alat permainan akan menimbulkan pergaduhan di kalangan kanak-kanak di situ. Ada juga kanak-kanak yang lebih besar mencuri alat-alat permainan tersebut. Oleh itu tiada alat-alat permainan disediakan di tempat ini.

"Creche" ini juga akan dibersihkan setiap hari oleh penjaganya. Akan tetapi lalat masih lagi berleluasa kerana adanya lembu-lembu yang membuang najis di persekitarannya. Dengan itu kebersihan persekitaran harus dipertingkatkan demi kesihatan kanak-kanak yang berada di sini.

Tadika pula disediakan untuk kanak-kanak pra sekolah, terutamanya yang berumur lima hingga enam tahun. Ia bermula pada pukul 8.30 a.m dan bersurai

pada pukul 1.00 p.m. Masa rehat adalah dari pukul 10.00 a.m hingga 11.00 a.m. Pada masa ini juga kanak-kanak akan diberi minum susu tepung (Dumex) bersama dengan kanak-kanak di "creche".

Kedua-dua tadika ini mempunyai guru yang berkelulusan SRP sahaja. Hanya guru tadika di Pengkalan Manggis yang pernah mengikuti kursus tadika di Maktab Perguruan Seri Kota dan Universiti Malaya. Namun begitu guru-guru ini tidak bersemangat untuk mengajar kerana gaji yang diperolehi adalah rendah. Kedua-duanya juga menggunakan rotan untuk mendisiplinkan kanak-kanak di tadika. Pengkaji fikir cara ini adalah tidak sesuai kerana mereka telah lali dengan pukulan rotan memandangkan ibu bapa mereka juga berbuat begitu.

Pihak pengurusan ladang telah menyediakan alat-alat tulis untuk kanak-kanak di tadika. Walau bagaimanapun ia tidak begitu berguna kerana tiada almari untuk menyimpannya. Peralatan ini juga rosak akibat seringkali terkena air hujan. Tadika ini juga tidak mempunyai kerusi dan meja yang secukupnya. Justeru itu kanak-kanak terpaksa duduk di bawah dan belajar. Ketidakselesaian semasa belajar ini akan mengalih perhatian mereka daripada belajar kepada bermain. Lantaran itu kanak-kanak akan hilang minat belajar dan lebih berminat untuk bermain, lalu menjadi

nakal dan sukar untuk dikawal oleh guru tadika.

2.5.6 Sekolah

Setiap ladang akan mempunyai sebuah Sekolah Tamil. Ini adalah sejajar dengan Undang-undang Imigrasi 1912. Sekolah Tamil Teluk Merbau ini terletak di antara Taman Teluk Merbau dan Bahagian Tanjung Rhu. Kebanyakan penduduk ladang menghantar anak mereka ke Sekolah Tamil ini kerana ia adalah murah dan tidak perlu berbelanja besar dalam pengangkutan. Selain itu bagi ibu bapa yang konservatif dan mempunyai kesedaran etnik yang tinggi, mereka lebih suka menghantar anak-anak ke sekolah ini untuk mempelajari Bahasa Tamil dan kebudayaannya. Bagi mereka adalah memalukan sekiranya seorang India tidak dapat bertutur, membaca dan menulis dalam bahasa ibundanya sendiri.

2.5.7 Kemudahan-kemudahan Lain

Sebuah kedai runcit juga disediakan untuk memudahkan pekerja-pekerja membeli keperluan harian jika tidak sempat pergi ke pekan. Kedai ini dipunyai oleh orang India.

Bagi kegiatan sukan pula terdapat satu padang bola sepak dan sebuah gelanggang badminton. Di sebelah petang ramai kanak-kanak bermain di padang bola, sementara orang-orang dewasa pula lebih gemar bermain badminton pada waktu lewat petang atau malam.

Suatu "kemudahan" yang sememangnya tidak asing lagi bagi semua ladang ialah kedai todi. Ia dibuka setiap petang dari pukul 2.00 p.m hingga 5.00 p.m. Tempat ini juga menjadi tempat berlepak setelah menjalankan kerja seharian. Pengkaji tidak dapat melihat kedai todi dengan lebih dekat kerana adalah kurang manis bagi seorang gadis untuk pergi ke sana. "Key informant" juga memberitahu pengkaji bahawa wanita-wanita tua juga membeli todi dari belakang kedai dan dibawa ke rumah untuk minum. Pekerja-pekerja ladang meminum todi kerana ia dikatakan dapat melegakan kesakitan badan setelah penat bekerja.

2.6 Kesimpulan

Tujuan utama bab ini adalah untk memperlihatkan ciri-ciri sebuah ladang yang mengasingkan serta mengurangkan perhubungan sosial di antara penduduknya dengan dunia luar. Deskripsi mengenai ladang ini memfokuskan kepada cara-cara kehidupan di ladang.

Penelitian akan corak penempatan di ladang, menunjukkan wujudnya satu kawalan pusat ke atas kehidupan tersebut yang secara tidak lansung mengelakkan perhubungan dengan dunia luar. Walaupun kemudahan asas telah disediakan namun kualiti kemudahannya masih boleh dipersoalkan serta boleh diperbaiki lagi.

BAB 3

Beberapa Konsep dan Teori

3.1 Konsep Hak Reproduksi

Mengikut ahli-ahli biologi, reproduksi merupakan satu proses di mana organisma-organisma akan mewujudkan lebih banyak organisma yang sama spesies dengannya. Ia merupakan satu hasil yang amat penting bagi semua proses hidup. Peranan reproduktif wanita bukanlah terhad kepada aspek biologi sahaja malah melibatkan juga perhubungan sosial yang menentukan pembentukan sesebuah keluarga.

Perlembagaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia telah mengatakan bahawa kesihatan adalah hak asasi manusia. Menurutnya,

"The enjoyment of the highest attainable standard of health is one of the fundamental rights of every human being without distinction of race, religion, political belief, economic or social position."

(WHO 1989:15).

Selaras dengan ini wanita juga haruslah mempunyai hak ke atas kesihatan reproduktifnya. Kebolehan wanita dalam membuat keputusan mengenai keluarga dan dirinya tidak harus diperkecilkan.

Wanita juga sepatutnya berhak untuk menentukan sama ada hendak mempunyai anak atau tidak, dan sekiranya dia hendak maka dia juga berhak untuk menentukan bila dan bagaimana hendak mempunyainya. Hak-hak ini adalah difikirkan perlu untuk menjamin kesihatan wanita semasa mengandung serta melahirkan anak. Hak-hak ini difikirkan perlu setelah dilihat wanita banyak menanggung beban-beban fizikal dan psikologi semasa mengandung dan melahirkan anak.

"... it remains crucial that any policy designed to expand or contract the reproductive choice honestly confronts the fundamental point that the primary bearers of interests in human reproduction remain women, who generally carry the social, physical, psychological and practical burdens of childbearing and rearing."

(McClean 1989:215)

Hak-hak reproduktif ini tidak hanya terhad kepada keputusan dalam melahirkan dan membesarkan anak sahaja. Wanita juga berhak untuk membuat keputusan di dalam perhubungan seks dengan suaminya. Dia berhak untuk menentukan sama ada hendak atau tidak mengadakan hubungan seks dengan suaminya. Seterusnya ahli keluarga, masyarakat sekeliling, polisi-polisi kerajaan ataupun institusi agama juga tidak seharusnya mengene-pikan kesihatan wanita di dalam menjalankan fungsi reproduktifnya. Oleh itu latihan ini akan mengkaji

sejauh mana wujudnya hak reproduktif di kalangan wanita India di ladang ini. Sebelum itu haruslah diteliti akan beberapa pandangan akan peranan yang dimainkan oleh wanita dan lelaki.

3.2. Peranan Lelaki dan Wanita dari Perspektif Antropologi

Sesebuah masyarakat mempunyai ekspektasi asas bahawa wanita seharusnya tinggal di rumah dan memenuhi keperluan-keperluan ahli-ahli keluarganya sementara kaum lelaki pula keluar mencari kerja agar dapat menanggung keluaganya. Perspektif Antropologi menekankan akan wujudnya dua kumpulan yang bercanggah pendapat dalam melihat faktor-faktor yang membezakan peranan wanita dan lelaki. Kumpulan-kumpulan tersebut ialah golongan biologis dan golongan budaya.

Golongan biologis mengatakan bahawa perbezaan biologi merupakan faktor penentu utama di dalam perbezaan peranan lelaki dan wanita. Lantaran itu wanita melakukan kerja-kerja yang tidak "berat" seperti melakukan kerja-kerja rumah, memasak serta menjaga anak di rumah. Sebaliknya kaum lelaki yang dianggap lebih kuat tenaga fizikalnya dan tidak bertanggungjawab dalam mengandung dan melahirkan anak adalah bebas untuk melakukan aktiviti-aktiviti seperti memburu, membalak dan sebagainya.

Pandangan biologis dapat diterangkan dengan mengambil masyarakat primitif sebagai satu contoh. Di dalam masyarakat ini sememangnya terdapat satu pembahagian tugas yang berdasarkan umur dan jantina. Akibatnya, wanita-wanita ditugaskan untuk menjaga anak-anak sementara kaum lelaki keluar bekerja untuk menyara keluarga.

Winch merupakan salah seorang tokoh biologi yang penting. Beliau telah membuat satu penilaian berdasarkan kepada kajian Murdock ke atas masyarakat-masyarakat di seluruh dunia. Menurut beliau, pembahagian kerja yang wujud di dalam "sex societies" telah diamalkan secara berterusan untuk jangka masa yang panjang. Justeru itu ia menjadi satu peranan yang tetap dan dijadikan sebahagian daripada norma dan budaya yang tidak dipersoalkan oleh sesiapaupun serta menganggapnya sebagai satu ciri manusia yang semulajadi. Hal ini diterangkan dengan lebih jelas oleh Bott di dalam bukunya "Family & Social Network";

"All couples took it for granted that there should be a basic definition of labour between husband and wife in which the husband was primarily responsible for supporting the family financially and the woman was primarily responsible for looking after the children and seeing that housework and cooking were done."

(Bott 1957:197)

Golongan budaya pula menyatakan bahawa peranan lelaki dan wanita tidak ditentukan berdasarkan kepada perbezaan biologi. Sebaliknya ia diakibatkan oleh budaya dan "social condition" di dalam sesebuah masyarakat. Menurut golongan ini ciri-ciri fizikal dan emosi seseorang wanita itu tidak menghalangnya daripada melibatkan diri di dalam kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh kaum lelaki. Namun demikian mereka tidak menafikan akan adanya perbezaan peranan berdasarkan gender. Akan tetapi perbezaan ini tidaklah begitu tegar. Mereka mengakui akan kewujudan dominasi lelaki di dalam sesebuah masyarakat tetapi mereka percaya bahawa ia dapat diatasi.

Salah seorang daripada tokoh budaya yang popular ialah Engels. Beliau telah membahagikan kemajuan masyarakat kepada 3 peringkat iaitu "savagery", "barbarism" dan bertamadun, serta cuba menunjukkan bagaimana peranan wanita berubah melalui kemajuan masyarakat.

Di dalam masyarakat "savagery", Engels mengatakan bahawa proses memburu-memungut, melibatkan lelaki dan wanita. Walaupun wanita mempunyai fungsi-fungsi reproduktifnya namun mereka juga menyumbang dan bergiat di dalam arena bidang ekonomi. Hal ini sedemikian kerana penjagaam anak merupakan tanggungjawab

seluruh komuniti, di mana ibu biologikal kurang membawa status sosial kepada wanita-wanita.

Dengan kemunculan masyarakat "barbarism" pula kedudukan wanita telah berubah. Pengumpulan harta yang dahulunya secara kolektif telah berubah kepada harta persendirian yang seterusnya mengubah kedudukan wanita. Pergerakan wanita yang dihadkan oleh proses "childbearing" telah menempatkan wanita di rumah sahaja. Kaum lelaki yang lebih bebas bergerak telah melibatkan diri di dalam pertanian dan peperangan yang mengakibatkan lebihan pengeluaran. Mereka mula mengawal lebihan ini dan akhirnya mempropagandakan hak lelaki untuk memiliki dan mewarisi harta secara individu. Selanjutnya ini telah membawa kepada dominasi mereka ke atas wanita di dalam bidang ekonomi dan sosial.

Era ketamadunan telah memaparkan "male supremacy" di dalam pemilikan harta. Ini telah mengasaskan satu norma sosial yang seterusnya membentuk sistem patriarki. Dahlstorm (1967) telah menyokong pendapat Engels yang mengatakan bahawa sistem patriarki merupakan sebab utama di dalam mempengaruhi peranan wanita. Menurut Dahlstorm di dalam sistem patriarki, wanita di anggap tidak berkemampuan untuk menguruskan diri mereka sendiri. Dengan itu kaum lelaki telah mewujudkan satu situasi di mana wanita menjadi lebih

bergantung kepada suaminya, lantas membawa kepada peranan lelaki dan wanita yang berza. Dahlstorm telah menerangkan dengan lebih jelas di dalam petikan ini;

"Political Authority was reserved to men. As virtuous wife and fertile mother the women assumed a priveleged and protected position. In the household, the women were responsible for important aspects of production".

(Dahlstorm 1967:21)

Sebagai kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa para biologis menekankan kepada faktor biologi sebagai penentu utama di dalam perbezaan peranan di antara lelaki dan wanita. Manakala golongan budaya pula memfokuskan situasi sosial seperti pemilikan harta oleh kaum lelaki dan sistem patriarki sebagai sebab utama untuk perbezaan ini.

3.3 Peranan Wanita: Perspektif Hindu

Peranan wanita India di Malaysia meniru model tradisional wanita India yang banyak dipengaruhi oleh Hinduisme. Kaitan antara wanita dan peranannya telah melalui beberapa perubahan sepanjang zaman. Ia juga tidak semestinya menyimpulkan bahawa pada zaman tradisional India peranan wanita adalah dihadkan kepada keluarga dan rumahtangga.

Pada Zaman Veda, wanita dikatakan telah mempunyai hak yang sama dengan lelaki. Ahli Majlis

Perundangan Hindu telah memberi hak yang sama kepada wanita dan lelaki dengan mengisytiharkan bahawa;

"Before the creation of this phenomenal universe, the first Born Lord of all creatures divided his own self into two halves, so that one should be male and the other half female."

(Abhedananda 1963:254)

Suami dan isteri mempunyai hak yang sama dalam mengerjakan tugas-tugas agama dan sosial. Kebanyakan kerja pertanian juga dijalankan oleh wanita. Selain itu di Zaman Veda ini juga wanita telah diberi hak yang sama di dalam pendidikan dan bebas bergerak seperti kaum lelaki.

Walau bagaimanapun selepas zaman ini peranan dan tugas wanita telah mula dihadkan kepada soal rumahtangga dan hal-hal yang berkaitan dengannya. Seorang raja yang terkemuka dan juga seorang penggubal undang-undang yang bergelar Manu telah membezakan peranan lelaki dan wanita. Beliau mengatakan;

"There is a vital structural differences between man and woman...Each one is suited for different kind of work. Man is intended by nature to do all the rough and hard work for earning bread while woman is designed for household affairs, duties less strenuous but requiring a good deal of love, affection which none but she alone can bestow."

(Das 1962:39)

Secara tidak langsung, Manu telah mengatakan bahawa perbezaan fizikal di antara lelaki dan wanita

harus membawa kepada perbezaan peranan di antara kedua-duanya. Misalnya keadaan fizikal seseorang wanita lebih sesuai untuk melakukan kerja-kerja rumah serta menjaga suami dan anak-anaknya (ia adalah juga sejajar dengan pandangan golongan biologis).

Dengan itu kedudukan wanita telah merosot di mana peranan wanita kini adalah sebagai seorang isteri dan ibu yang baik dan sepatutnya bertanggungjawab hanya di dalam urusan rumahtangga.

3.4 Peranan Wanita India di Ladang

Wanita India berhijrah ke Malaysia bersama dengan kaum lelaki yang datang bekerja di sektor perladangan. Pada peringkat awalnya hanya kaum lelaki yang berhijrah ke Malaysia. Kemudian, pihak pentadbir British telah mula menggalakkan penghijrahan kaum wanita untuk mengekalkan bekalan buruh yang tetap melalui unit-unit keluarga yang diwujudkan oleh perkahwinan. Menurut K.S.Sandhu, pada tahun 1920an kaum wanita merupakan 24 hingga 45 peratus daripada jumlah tenaga buruh di dalam negeri-negeri Melayu dan lebih dari 80 peratus adalah terlibat di dalam sektor pertanian.

Walaupun kaum wanita memainkan peranan sebagai sumber buruh namun mereka masih juga diharapkan untuk memainkan peranan sebagai suri rumah. Wanita

yang bekerja membuat kerja-kerja rumah yang sama dengan wanita-wanita yang tidak bekerja. Hal ini adalah berikutan dengan tanggapan peranan tradisional wanita yang boleh dihuraikan seperti berikut:

"However, a cursory acquaintance with the Hindu culture would reveal that the internalization of some roles concerning household are so firmly established that the Hindu women find it hard to ignore their household duties, in spite of their newly assumed wage earner role."

(V.V.P Rao dan V.N.Rao 1975:194)

Kama Sutra Vatsayana telah menggambarkan seorang isteri yang soll'eh sebagai seorang isteri yang menyayangi suaminya dan sentiasa menyempurnakan kehendak suaminya. Si isteri juga harus menguruskan rumah tangga dengan teratur dan sentiasa berada di dalam keadaan yang harmoni.

Isteri yang unggul ini tidak wujud di dalam ladang kerana isteri juga keluar bekerja untuk menambahkan pendapatan keluarga. Kasih sayang suami isteri adalah sesuatu yang subjektif. Oleh kerana wanita memainkan pelbagai peranan maka kerap kali ia membawa kepada pergaduhan di antara suami isteri dengan mengeluarkan kata-kata yang kesat. Namun demikian sebuah perkahwinan akan cuba dikekalkan adanya anak-anak dan bukan kerana perasaan kasih sayang. Walaupun perasaan ini wujud namun ia tidak selalu diluahkan kerana

kehidupan seharian yang amat meletihkan tidak membenarkan wanita berfikir mengenai cinta atau "romance".

Satu lagi peranan wanita yang oleh membawa kepada konflik ialah peranan wanita sebagai seorang ibu.

"The mother has the primary responsibility for feeding the child, keeping him clean, looking after his health, socializing him, protecting him from other ill effects, leading him into relationship with the total community as well as serving as the richest source of love and protection any child is likely to receive."

(Aronoff in Sarojini 1971:38)

Wanita India bolehlah dikatakan cuba memenuhi kesemua fungsi yang dinyatakan oleh Aronoff. Akan tetapi dia juga bekerja dan ini menghadkan kebolehannya untuk menjadi seorang ibu yang baik.

Bekerja di ladang dari pagi hingga tengahari dan seterusnya menjaga keperluan anak dan suami serta melakukan kerja-kerja harian rumah merupakan satu tugas yang amat meletihkan kepada wanita. Justeru itu kadangkala wanita tidak dapat menjalankan kewajibannya dengan sebaik yang mungkin. Dengan mengelakkan apa jua anggapan ke atas reproduktif wanita, pengkaji akan cuba melihat sejauh manakah wanita India di ladang mempunyai hak reproduktif. Pengkaji akan melihat kepelbagaian peranan yang di mainkan oleh wanita-wanita India di ladang dan bagaimana ia mempengaruhi hak reproduktif mereka.

BAB 4

Latarbelakang Responden-Responden

Bab ini memberi keterangan akan latarbelakang responden-responden yang di kaji untuk membantu di dalam perbincangan mengenai hak reproduktif wanita.

4.1 Umur Responden dan Status Perkahwinan Mereka

Jadual di bawah menunjukkan umur dan status perkahwinan responden yang dikaji.

Jadual 4.1

	Umur	Status Perkahwinan
Responden 1	52	Sudah Berkahwin
Responden 2	19	Bujang
Responden 3	40	Balu
Responden 4	30	Sudah Berkahwin
Responden 5	38	Bujang
Responden 6	32	Sudah Berkahwin
Responden 7	33	Sudah Berkahwin
Responden 8	39	Sudah Berkahwin
Responden 9	44	Balu
Responden 10	27	Sudah Berkahwin

Jadual di atas menunjukkan dua orang responden yang belum berkahwin lagi. Seorang baru menamatkan persekolahannya dan seorang lagi tidak berkahwin lagi kerana sebagai anak yang sulung dia membantu ibunya

(yang telah menjadi balu) menyara adik beradiknya.

4.2 Umur Berkahwin

Di antara sepuluh orang responden yang terpilih, lapan telah berkahwin. Tujuh telah berkahwin semasa berumur dari 17 hingga 25 tahun. Seorang lagi telah berkahwin apabila berumur 27 tahun. Kebanyakan wanit-wanita India di ladang berkahwin pada umur yang lebih muda. Amalan ini berkait rapat dengan tradisi Hindu yang diamalkan di India pada masa dahulu. Baudhyana Dharmasutra ada mengatakan;

"Let him give his daughter, while she goes still naked, to a man who has not broken a vow of chastity and who possesses good qualities, or even to one destitute of good qualities, let him not keep (the maiden) in (his house) after she has reached the age of puberty."

(Kapadia 1958:138)

Kebanyakan ibu bapa akan mengahwinkan anak-anak perempuan setelah akilbaligh. Hal ini boleh dijelaskan dengan lebih lanjut melalui hasil karya para Brahmin pada awal era Kristian. Menurutnya seorang bapa akan berasa senang hati apabila mengahwinkan anak perempuannya semasa berumur 10 hingga 12 tahun. Hasil karya ini juga seterusnya mengatakan bahawa;

"The father or guardian incurs the sin of destroying an embryo at each appearance of menses as long as the girl is unmarried after puberty."

(Kapadia 1958:139)

Justeru itu seorang anak perempuan akan dikahwinkan secepat mungkin setelah dia baligh. Jika-lau tidak, maka dianggap ayahnya akan mendatangkan dosa ke atas dirinya sendiri. Kapadia memberikan faktor sosial untuk menjelaskan mengapa wanita India kahwin pada umur yang muda. Menurut beliau;

"Woman is not fit to be independent. At every stage in her life she should be under the dominion of someone, her father, her husband, a son. The idea of marriage was the transference of the father dominion over her in favour of her husband. This transference should take place before a girl reached the age when she might question it. This was an additional factor influencing the age of marriage.

(Kapadia 1958:42)

Kenyataan Kapadia menerangkan dengan jelas bahawa di dalam warisan sistem patriarki, seorang wanita adalah dianggap tidak mampu untuk menjaga dirinya sendiri. Oleh itu dia meletakkan dirinya di bawah jagaan seorang lelaki yang juga mendominasi-kannya sepanjang hidup.

4.3 Taraf Pendidikan Responden-Responden

Jadual 4.2

Taraf Pendidikan	
Responden 1	Tiada
Responden 2	S.P.M
Responden 3	Tiada

Taraf Pendidikan

Responden 4	Darjah Enam
Responden 5	Tingkatan Dua
Responden 6	S.R.P
Responden 7	Darjah Enam
Responden 8	Darjah Enam
Responden 9	Darjah Dua
Responden 10	Tiada

Merujuk kepada jadual 4.2 akan didapati bahawa hanya tiga daripada sepuluh responden yang mendapat pendidikan sekolah menengah. Sementara empat orang menerima pendidikan sekolah rendah dan tiga lagi tidak mendapat pendidikan langsung. Ketujuh-tujuh responden yang menerima pendidikan telah menghadiri Sekolah Tamil, satu fenomena yang tidak asing bagi anak-anak di ladang. Sekolah Tamil menjadi pilihan kerana ia berhampiran dengan ladang dan sebab-sebab lain yang telah dijelaskan dalam Bab 2.

Satu lagi hasil pemerhatian pengkaji berkaitan dengan pendidikan ialah kebanyakan wanita-wanita India di ladang mendapat pendidikan yang minimum ataupun langsung tidak menerimanya. Hal ini adalah disebabkan oleh pandangan ibu bapa bahawa pendidikan bagi anak-anak perempuan tidak penting berbanding dengan anak-anak lelaki. Pandangan ini adalah beasaskan kepada pendapat bahawa anak-anak perempuan akan dikahwinkan sebaik sahaja dia baligh dan tidak boleh

diharapkan untuk menanggung mereka di hari tua kelak. Oleh itu adalah sia-sia untuk membelanjakan wang ke atas pendidikan anak-anak perempuan.

Akan tetapi satu fenomena yang baru telah muncul di dalam aspek pendidikan di ladang ini. Pemerhatian pengkaji mendapati bahawa anak-anak perempuan lebih rajin belajar dan meneruskan pelajarannya sehingga S.P.M. Sebaliknya kebanyakan anak-anak lelaki pula gagal di dalam S.R.P atau berhenti di pertengahan persekolahan mereka. Ia mungkin tidak disedari oleh ramai ibu bapa tetapi hakikatnya sukar untuk dinafikan. Mungkin pada masa hadapan pandangan ibu bapa terhadap anak-anak perempuan akan turut berubah.

4.4 Saiz Keluarga

Jadual 4.3 - Saiz keluarga.

Bilangan Anak	
Responden 1	Tiga
Responden 2	Tiada (Belum Berkahwin)
Responden 3	Satu
Responden 4	Enam
Responden 5	Tiada (Belum Berkahwin)
Responden 6	Tiga
Responden 7	Tiada
Responden 8	Tiga
Responden 9	Lima
Responden 10	Tiga

Dari jadual di atas dapatlah dilihat bahawa purata bilangan anak-anak bagi kebanyakan keluarga adalah tiga. Bilangan anak yang sedemikian adalah juga disebabkan oleh kematian anak-anak semasa dalam kandungan ataupun semasa kanak-kanak. Responden pertama telah mengalami keguguran sebanyak dua kali. Manakala responden tiga pula telah kehilangan anak semasa berumur 12 tahun akibat demam "typhoid".

Walaupun purata bilangan anak ialah tiga namun bilangan ini mungkin boleh meningkat kerana tiga daripada empat responden tersebut adalah dalam lingkungan umur yang membolehkan mereka melahirkan anak lagi. Oleh itu ada kemungkinan bahawa saiz keluarga ini akan bertambah besar pada masa depan.

4.5 Pekerjaan Responden

Kebanyakan responden merupakan "field-workers", yang meliputi kerja-kerja seperti menyembur racun serangga, menyemai benih kelapa sawit serta membersihkan kawasan perumahan dan persekitaran di ladang. Kerja-kerja ini lebih diberi kepada wanita kerana ia dianggap ringan dan tidak memerlukan tenaga fizikal yang kuat.

Dua responden yang bekerja sebagai "harvester" sebenarnya menolong suami mereka dalam memetik kelapa sawit. Kerja ini selalunya dilakukan secara

berpasangan, di mana suami akan memotong kelapa sawit dan isteri akan mengutip biji-biji kelapa sawit yang berselerak apabila buah itu jatuh ke bumi.

Responden yang bekerja di kilang, mula bekerja setelah bersara dari kerja ladang. Dia ingin terus bekerja untuk membantu suaminya menampung perbelanjaan membeli rumah baru. Selain itu dia memberi wang poket tambahan kepada salah seorang daripada anaknya yang sedang menuntut di Amerika Syarikat di bawah biasiswa kerajaan. Anaknya berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara kerana kecemerlangannya di dalam arena sukan kebangsaan.

Di kalangan responden-responden terdapat juga dua orang yang tidak bekerja. Seorang daripadanya ialah surirumah yang menjual ais krim 20 sen di waktu lapangnya. Namun ia bukanlah satu kerja yang berterusan baginya. Sementara seorang lagi telah menamatkan S.P.M dan merancang untuk mengikuti kursus komputer. Dia akan memulakan kursusnya sebulan selepas pengkaji menghabiskan kerja lapangan di situ.

Responden-responden ini tidak membuat kerja sambilan kerana masa tidak membenarkan. Peranan wanita sebagai seorang ibu dan isteri bagi kebanyakan responden adalah meletihkan dan menyebabkan mereka tidak mahu mengambil pekerjaan sambilan.

4.6 Pendapatan Seisi Rumah

Di bawah topik ini, pengkaji akan memfokuskan kepada bilangan ahli keluarga yang bekerja untuk menentukan pendapatan seisi rumah. Selain itu saiz keluarga juga akan diambil kira untuk menilai status ekonomi responden.

Responden yang lebih muda (di bawah umur 40 tahun) hanya mempunyai dua sumber pendapatan iaitu suami dan diri mereka sendiri. Hal ini sedemikian kerana mereka tiada anak-anak yang bekerja untuk menyumbang kepada pendapatan keluarga. Wanita-wanita yang lebih tua (melebihi 40 tahun) pula mempunyai anak-anak yang turut bekerja. Manakala dua orang responden yang tidak berkahwin tinggal dengan ibu bapa dan adik beradiknya yang turut bekerja.

Jadual 4.4

Responden Saiz Keluarga *Jumlah Pendapatan Sebulan

1	4	RM 1000.00
2	6	RM 1800.00
3	2	RM 550.00
4	8	RM 650.00
5	6	RM 1300.00
6	5	RM 600.00
7	2	RM 800.00
8	5	RM 700.00
9	6	RM 1200.00
10	5	RM 800.00

**Jumlah pendapatan seluruh ahli keluarga yang bekerja.*

Pendapatan keluarga responden telah ditunjukkan dalam jadual di atas. Walaupun jumlah pendapatan sesebuah keluarga adalah lebih dari RM 500.00, namun harus diteliti juga saiz keluarga. Hanya satu responden sahaja yang mempunyai bilangan ahli keluarga seramai dua orang dan pendapatannya adalah RM 800.00 sebulan. Oleh itu pendapatan bulanannya bolehlah dikatakan lebih dari mencukupi.

Akan tetapi responden-responden lain walupun mempunyai pendapatan yang tinggi namun saiz keluarga adalah besar. Dengan itu tidak boleh disimpulkan bahawa pendapatan bulanan pekerja-pekerja ladang adalah memadai untuk menyara keluarga mereka. Terdapat juga dua orang responden yang menghadapi masalah kewangan di mana pendapatan bulanan mereka hanya dalam lingkungan RM 600.00 hingga 650.00, walhal bilangan ahli keluarga adalah lebih daripada empat orang.

Dengan menggunakan saiz keluarga dan pendapatan sekeluarga, bolehlah dikatakan pada amnya bahawa wanita yang berumur kurang daripada 40 tahun tidak begitu kukuh di segi kewangannya. Mereka tidak mempunyai anak yang bekerja untuk menambahkan pendapatan sekeluarga. Walau bagaimanapun golongan ini juga menghadapi masalah kewangan kerana bilangan ahli keluarga yang ramai. Hanya seorang responden yang stabil di segi kewangan.

BAB 5

Perbincangan

Kepentingan fungsi reproduktif wanita India di ladang adalah terserlah di dalam sejarah kedatangan mereka ke ladang. Wanita-wanita India dibawa ke ladang untuk membekalkan dan mengekalkan tenaga buruh di ladang melalui reproduktiviti. Bab ini akan melihat perkembangan wanita dan reproduktivitinya di ladang. Pengkaji akan cuba menilai sama ada wanita-wanita India di ladang ini mempunyai sebarang hak ke atas reproduktiviti mereka, dengan merujuk kepada aspek perkahwinan, "childbearing" dan perancangan keluarga.

5.1 Perkahwinan

"...
YOU, the choice of my parents,
...
You cannot see the real me
My face is masked with pretence and obedience
My smiles tell you that I care
I have no other choice.

The priest has left the altar now
And the dancing has begun;
I see myself dying slowly
To family and traditions;
Stripped of its will and carefree spirit,
Naked on the cold and lonely waters
Of a strange family shoreline
Alienated from belonging truly.
..."

(Konai Helu Thaman in APDC 1989:48)

Di antara lapan responden yang telah berkahwin, tiga daripadanya berkahwin dengan lelaki pilihan mereka sendiri. Hanya seorang daripada tiga responden ini yang menghadapi masalah untuk berkahwin. Ibunya tidak bersetuju kerana responden bercinta semasa dia masih belajar lagi (menduduki peperiksaan S.R.P sekali lagi). Walau bagaimanapun apabila teman lelakinya datang meminang, ibunya bersetuju untuk mengahwinkan mereka. Manakala dua responden yang lain jatuh cinta dengan saudara-mara mereka. Oleh itu mereka tidak menerima tentangan daripada ibu bapa.

Walaupun terdapat responden-responden yang berkahwin atas dasar pilihannya sendiri namun pilihan ibu bapa masih lagi ditaati oleh kebanyakan responden (termasuk juga responden yang belum berkahwin). Seorang responden yang berumur 19 tahun telah mengatakan bahawa dia tidak berani untuk memilih sendiri pasangan hidupnya. Jika dia jatuh cinta, kebenaran ibu bapa akan diminta sebelum berkahwin.

Mengapakah wanita-wanita India berkahwin? Ramai yang menjawab kerana tidak mahu mengingkari atau menyakiti hati ibu bapa.

"Saya tidak mahu membantah kata-kata emak saya dan membebankan keluarga dengan tidak berkahwin lagi."

(Balu, berumur 44 tahun)

"Ibu bapa akan berasa sedih sebab mereka masih

mempunyai anak-anak yang belum berkahwin di rumah. kah.Oleh itu kita harus berkahwin agar tidak menyakiti hati ibu bapa."

(Gadis bujang, berumur 19 tahun)

Ada juga yang berkahwin kerana difikirkan perlunya seorang suami sebagai pelindung.

"Kamu tidak boleh hidup sendiri selama-lamanya. Suami adalah sebagai satu pelindung untuk kita. Seorang wanita memerlukan seorang lelaki untuk melindunginya. Oleh itu seorang wanita perlulah berkahwin."

(Wanita berkahwin, berumur 38 tahun)

Anak-anak juga merupakan salah satu sebab untuk berkahwin. Mereka diharapkan untuk menjaga ibu bapa di hari tua kelak.

Bagi yang berkahwin dengan pilihan sendiri pula menyatakan bahawa mereka harus berkahwin kerana telah jatuh cinta. Pada pendapat mereka percintaan itu harus disusuli dengan perkahwinan. Masyarakat juga tidak ketinggalan sebagai faktor utama dalam sebab seorang itu berkahwin.

"Jika seseorang tidak berkahwin, masyarakat memandang rendah terhadapnya. Masyarakat menganggap mereka yang tidak melakukan dosa ataupun ibu bapanya telah melakukan dosa."

(Wanita berkahwin, berumur 27 tahun)

Berkenaan dengan soal siapa yang membuat keputusan di rumah, sembilan daripada sepuluh responden telah mengatakan bahawa kedua-dua suami isteri

akan berbincang bersama dan mengambil keputusan. Meskipun begitu responden-responden juga mengatakan bahawa mereka boleh mengingkari suami jika suami mengambil keputusan yang salah. Seorang responden sahaja yang membuat keputusannya sendiri kerana suami yang jauh lebih tua daripadanya telah menyerahkan urusan rumah tangga kepadanya.

Berkahwin dengan pilihan sendiri masih lagi tidak diterima dengan sepenuhnya oleh kebanyakan ibu bapa di ladang. Kebanyakan ibu bapa memikirkan bahawa merekalah yang paling layak untuk memilih pasangan hidup anak mereka. Anak perempuan khususnya harus akur kepada pilihan ibu bapa kerana anak yang telah bercerai dan kembali ke pangkuan keluarga dianggap sebagai menjatuhkan maruah keluarga dan adakalanya dianggap sebagai beban kepada keluarga. Lazimnya ibu bapa menganggap seorang anak perempuan hanya dipinjamkan kepada mereka sehingga dia akan berkahwin dan meninggalkan rumah pada suatu hari kelak. Hal ini merupakan salah satu daripada konsekuen sistem patriarki yang memerlukan si isteri mengikut suaminya apabila dia berkahwin.

Penkaji tidak menafikan kelayakan ibu bapa untuk memilih bakal suami anak perempuan mereka. Namun demikian kriteria asas yang digunakan untuk mengukur sama ada seseorang itu layak atau tidak adalah "super-

ficial" dan materialistik. Kasta, taraf pekerja, tidak cacat di segi fizikal serta tidak merokok dan minum arak menjadi pengukur yang lazim. Kerapkali kesesuaian di antara suami dan isteri untuk sama-sama membina rumahtangga yang harmoni akan diabaikan.

Kasta yang tinggi tidak semestinya menjamin kehidupan yang baik bagi sesebuah pasangan. Lelaki itu mungkin merupakan seorang yang mendera isteri dan anak ataupun tidak bertanggungjawab. Perasaan dan pandangan seseorang wanita mengenai bakal suaminya kerapkali diketepikan.

Cinta, mungkin tidak sempurna tetapi ia memberi peluang kepada pasangan itu untuk mengenali sesama sendiri dengan lebih baik. Sifat-sifat yang penting untuk memajukan rumahtangga seperti kasih sayang, persefahaman dan toleransi dapat dipupuk semasa menjalin perhubungan cinta ini. Perhubungan ini juga memberi hak kepada wanita untuk menentukan bakal suaminya agar dapat menjalani kehidupan rumahtangga yang lebih sejahtera.

Responden-responden juga menyatakan bahawa mereka mengambil keputusan bersama di dalam hal-hal rumahtangga. Mereka juga berhak untuk mengingkari suami yang mengambil keputusan yang salah. Sejauh manakah mereka mempraktikkan hal ini masih lagi diragukan. Apabila pengkaji cuba merisik dengan lebih

dalam lagi, ramai yang mengaku bahawa adakalanya apabila suami berkeras dengan sesuatu keputusan, mereka akan akur kepada kehendak suami. Mereka berfikir sifat bertolak ansur adalah amat penting di dalam keharmonian sesebuah rumahtangga. Sememangnya sifat ini perlu, tetapi ia tidak sewajarnya hanya dipraktikkan oleh kaum wanita sahaja.

Kesemua responden berpendapat bahawa seorang suami harus menyayangi serta mengambil berat tentang ahli keluarganya. Seandainya suami marah, maka seorang isteri adalah diharapkan untuk memahami isi hati suaminya dan sensitif kepada kehendak-kehendaknya.

"Seorang suami harus menyayangi anak-anak dan diri saya. Dia mungkin akan marah pada sesuatu masa. Kita harus lebih bertolak ansur dengannya."

(Wanita berkahwin, berumur 38 tahun)

"Seorang isteri haruslah bertolak ansur dengan suaminya. Suami akan balik ke rumah setelah penat bekerja. Kadang kala isteri akan mula berleter dengannya. Ini adalah tidak baik."

(Gadis bujang, berumur 19 tahun)

Masyarakat pada amnya masih tidak menerima anak dara tua. Dengan itu semua responden beranggapan bahawa wanita harus berkahwin di dalam lingkungan umur 18 hingga 24 tahun. Jikalau wanita melepasi umur ini maka adalah sukar untuk mendapatkan jodoh baginya. Di

antara sebabnya ialah kecantikan wanita akan mula berkurangan serta kesukaran untuk mendapatkan anak.

Selain itu masyarakat juga menetapkan beberapa peraturan moral yang harus diikuti oleh wanita terutamanya. Konsep dara adalah sesuatu yang tidak ternilai bagi seorang wanita. Justeru itu setiap wanita haruslah melindunginya dan tidak harus berkela-kuan sedemikian sehinggakan boleh menimbulkan syak wasangka. Wanita juga harus mengawal pergaulannya dengan lelaki setelah akil baligh. Perlanggaran peraturan-peraturan ini akan menjejaskan peluang wanita untuk berrkahwin serta menjatuhkan maruah keluarga.

Perbezaan umur tidak memperlihatkan perbezaan yang ketara di dalam tanggapan mereka mengenai perkahwinan. Kesemuanya berpendapat bahawa wanita harus berkahwin dan adalah mustahil untuk hidup tanpa suami. Budaya dan agama (Bab 3 dan 4) berkait rapat dengan persepsi ini. Meskipun begitu wanita muda lebih cenderung untuk berkahwin dengan pilihan mereka sendiri. Menurut "key informant" pengkaji, ramai gadis-gadis di ladang melarikan diri dan berkahwin kerana ibu bapa tidak merestui pasangan mereka. Secara tidak langsung ini menunjukkan wanita-wanita ladang berikhtiar untuk mempraktikkan hak mereka di dalam perkahwinan.

Selalunya wanita-wanita muda juga cuba untuk menyuarakan pandangan dan pendapat mereka di dalam

urusan rumahtangga. Kadangkala ini mungkin tidak dipersetujui oleh suami tetapi satu jalan penyelesaian akan cuba dicari tanpa menyinggung mana-mana pihak.

5.2 "Childbearing"

"Who gives [birth]? And to whom is it given? Certainly it doesn't feel like giving, which implies a flow, a gentle handing over, no coercion."

(Atwood in Treichler 1989:113)

Persoalan-persoalan di dalam "childbearing" mempunyai pelbagai signifikan di dalam kehidupan sesebuah kebudayaan itu. Perubahan-perubahan yang signifikan di dalam corak "childbearing" selalunya menandakan perubahan di dalam sesuatu kebudayaan itu. Di dalam masyarakat ladang ini pula beberapa perubahan kecil telah berlaku di dalam corak "childbearing".

Wanita-wanita di ladang ini tidak lagi melahirkan ramai anak. Kebanyakannya mempunyai tiga atau empat orang anak sahaja. Ada yang juga mempunyai lima atau enam orang anak tetapi tidak ada yang lebih dari itu. Salah satu sebab yang menyumbang kepada kekurangan anak ialah kesedaran wanita tentang keadaan sosioekonomi keluarganya.

"Tiga anak sudah cukup. Susah untuk membela anak yang ramai. Kita harus berbelanja besar sekiranya

Pada kebiasaannya, mereka yang mempunyai lima atau enam orang anak adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai lebih anak lelaki ataupun lebih anak perempuan. Oleh itu mereka inginkan sekurang-kurangnya seorang anak lelaki ataupun seorang anak perempuan.

"Anak pertama saya adalah lelaki. Yang kedua pun anak lelaki. Hanya ketiga adalah anak perempuan. Selepasnya kedua-dua anak yang lain adalah lelaki. Suami saya inginkan seorang lagi anak perempuan. Oleh itu kami bercadang untuk mempunyai seorang lagi anak. Kebetulan pula anak yang keenam adalah perempuan. Selepas itu kami bercadang untuk tidak mempunyai anak-anak lagi."

(Wanita berkahwin, berumur 38 tahun)

Meskipun wanita mempunyai kesedaran akan kaitan antara keadaan sosioekonomi keluarga dan bilangan anak namun mereka masih lagi memerlukan kerjasama daripada suami untuk menghadkan bilangan anak. Hampir separuh daripada wanita-wanita di ladang mengambil keputusan bersama dengan suami dalam menetapkan bilangan anak yang dikehendaki. Manakala yang lainnya pula menyerahkan kepada suami untuk menentukannya.

Walaupun keputusan tidak semestinya terletak di tangan wanita namun kebanyakan suami menyedari hakikat akan taraf ekonomi keluarga. Oleh itu mereka ada memberi kerjasama dalam mengekalkan bilangan anak yang kecil.

Dengan kelahiran anak juga suami responden-responden ada membantu mereka serba sedikit dalam penjagaan anak. Ada yang memerhatikan anak semasa responden sibuk membuat kerja rumah dan ada juga yang tolong membancuh susu atau memberi makan kepada anak-anak jika isteri sibuk. Menurut seorang responden, suaminya sanggup membuat kerja rumah dan membasuh pakaiannya juga. Bantuan suami memanglah dialu-alukan tetapi ianya tidak dilakukan secara terbuka kerana malu jika orang lain melihatnya.

Wanita yang lebih muda menyatakan bahawa keputusan untuk menentukan bilangan anak haruslah dibuat bersama. Bagi mereka ini hanya seorang wanita yang akan mengetahui akan kesakitan yang harus dilalui semasa bersalin. Wanita yang lebih tua pun berfikir sedemikian. Namun begitu mereka juga menambah dengan berkata bahawa adalah sukar untuk mengingkari suami sekiranya suami tegas dengan keputusannya. Sekiranya diingkari juga ini bermakna bahawa mereka tidak menghormati suami mereka.

Walau bagaimanapun pengkaji fikir bahawa wanita berhak untuk menentukan bila dia hendak melahirkan anak serta perbezaan umur di antara anak-anak. Ramai yang menyatakan bahawa ia juga adalah keputusan bersama. Akan tetapi apabila ditanya dengan lebih

mendalam ia adalah juga terletak di tangan suami. Responden-responden ada mengatakan bahawa sebenarnya suami yang mengambil keputusan.

P : Siapakah yang memutuskan bila hendak mempuny-
yai anak sulung?

R : (Senyap seketika). Suami saya kata selepas
berkahwin kita harus mempunyai anak. Saya pun
menurut kehendaknya.

(Wanita berkahwin, berumur 38 tahun)

Hak untuk menentukan bila seorang wanita
inginkan anak adalah berkait rapat dengan kesihatan
wanita juga. Seorang wanita haruslah bersedia di segi
mental dan fizikal untuk melahirkan anak. Wanita yang
berkahwin awal terutamanya semasa remaja mengalami
komplikasi semasa melahirkan anak.

Hampir semua responden telah menyatakan
bahawa kelahiran anak sulung adalah yang paling meny-
akitkan. Kerap kali faraj mereka akan dibelah untuk
memudahkan kelahiran anak dan selepas itu akan dijahit
balik. Oleh itu wanita memerlukan masa yang lebih
untuk sembuh. Mengikut pakar perubatan juga badan
wanita memerlukan sekurang-kurangnya dua hingga tiga
tahun untuk pulih sepenuhnya selepas kelahiran setiap
anak.

Lebih kurang seminggu selepas bersalin pula
wanita-wanita India ini akan mula membuat kerja-kerja
rumah. Malahan ada juga yang mula bekerja beberapa

hari selepas bersalin tanpa menghiraukan pantang kerana tekanan kewangan keluarga. Hal ini bukanlah sesuatu yang mudah memandangkan wanita baru lepas bersalin. Tambahan pula responden-responden menyusukan sendiri anak-anak mereka.

Kesemua di atas menimbulkan banyak kerumitan dan beberapa penyesuaian juga harus dibuat oleh wanita-wanita India. Natiyah itu hak wanita di dalam menentukan bila dia inginkan anak, kemurungan "post-partum" dapat dikurangkan. Wanita juga akan lebih bersedia untuk melakukan penyesuaian dan kesihatannya juga tidak terjejas.

Wanita-wanita India di ladang juga berpendapat bahawa adalah tidak wajar untuk seseorang wanita itu tidak menginginkan anak. Anak merupakan harta yang tidak ternilai dan dia juga adalah waris yang meneruskan sesuatu generasi. Oleh itu setiap wanita akan cuba mendapatkan anak.

Kegagalan untuk melahirkan anak seringkali membawa kepada konflik di antara suami dan isteri ataupun dengan keluarga mertua wanita itu. Ada juga wanita yang mula memandang rendah terhadap dirinya kerana tidak dapat memberi zuriat kepada suaminya.

Pendapat tersebut berkait rapat dengan sistem kepercayaan tradisional masyarakat India. Tujuan utama perkahwinan adalah untuk melahirkan anak dan menyam-

bung sesuatu keturunan itu. Dengan itu adalah penting untuk setiap pasangan yang berkahwin mempunyai anak terutamanya anak lelaki di dalam masyarakat India.

Anak lelaki dipentingkan kerana dia merupakan aset kepada sesebuah keluarga. Dia akan tetap tinggal dengan ibu bapa dan menyara keluarga. Berbanding dengannya, anak perempuan pula akan dikahwinkan dan dihantar bersama dengan suaminya dan segala pendapatannya akan diberi kepada suami dan keluarga mertuanya. Justeru itu seorang ayah akan lebih bangga dengan anak lelaki daripada anak perempuan.

Namun begitu kepercayaan ini telah berkurangan sedikit memandangkan anak-anak perempuan di ladang adalah lebih bertanggungjawab daripada anak lelaki yang seringkali terlibat di dalam perbuatan yang tidak diinginkan. Kebanyakan anak-anak lelaki lebih suka membuang masa bergaul dengan rakan-rakan sebaya dan terlibat di dalam kegiatan-kegiatan seperti mencuri dan pergaduhan. Ramai di antaranya juga yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan seringkali menukar kerja. Mereka juga jarang memberi wang gaji mereka kepada ibu bapa untuk membantu menyara keluarga.

Sistem patriarki yang masih kuat diamalkan di dalam masyarakat merupakan sebab utama setiap keluarga inginkan anak lelaki. Sekiranya sistem ini diubah maka anak perempuan akan menerima kepentingan yang sama

dengan anak lelaki.

5.3 Perancang Keluarga

"All couples and individuals have the basic right to decide freely and responsibly the number and spacing of their children and to have the information, education and means to do so."

(WHO 1990:110)

Pernyataan di atas merupakan satu petikan daripada "World Population Plan of Action" yang dibentangkan di Bucharest pada tahun 1974 dan dihadiri oleh 136 perwakilan kerajaan. Ia telah diperkukuhkan lagi dalam Persidangan Populasi Antarabangsa yang diadakan di Mexico pada tahun 1984.

Alexander Theron di dalam bukunya Children and Adolescents, mengatakan bahawa saiz keluarga dipengaruhi oleh agama, pendidikan, kelas sosial dan pengalaman ibu bapa sendiri. Menurut beliau lagi;

The size of the family is also dependent upon the adults investment in children and the extent of satisfaction derived from a large number of children."

(Theron 1967:156)

Latarbelakang sosial seringkali menyumbang kepada pelbagai perasaan terhadap saiz keluarga. Ibu bapa daripada kelas tengah dan kelas atasan melihat anak-

anak sebagai sebahagian daripada impian dan harapan mereka. Sementara ibu bapa daripada kelas bawahan pula menanggapi anak-anak sebagai hasil perhubungan seks and tidak begitu menaruh harapan terhadap anak-anak untuk mencapai impian mereka.

Di negara-negara Barat taraf kehidupan selalunya memberi kesan kepada pertumbuhan populasi. Orang-orang Barat tidak meminati keluarga yang besar kerana inginkan kehidupan yang senang dan lebih selesa. Oleh itu mereka mengambil langkah-langkah yang tegas untuk tidak mempunyai anak yang ramai serta boleh ditanggung oleh mereka.

Pemikiran tradisional orang-orang India pula menyatakan bahawa pemerolehan anak adalah di tangan tuhan dan bukannya di tangan manusia. Anak-anak juga dianggap sebagai satu aset dan bukannya suatu liability kerana mereka boleh membantu menambah pendapatan keluarga di masa hadapan. Oleh itu kebanyakan ibu bapa India terutamanya yang tinggal di ladang berpuashati jika dapat memberi makanan dan pakaian yang minimum kepada anak-anak mereka.

Walau bagaimanapun wanita-wanita di ladang ini telah sedar akan keperluan untuk merancang keluarga. Kesemua responden memahami perancang keluarga sebagai satu cara untuk menghadkan bilangan anak di dalam sesebuah keluarga. Ada juga mengaitkannya dengan

keadaan kewangan keluarga.

"Perlu melahirkan anak di dalam bilangan yang terhad. Ini membolehkan ibu bapa memberi kehidupan yang lebih baik kepada semua anak. Saya pernah nampak keluarga yang besar banyak mengalami kesusahan."

(Wanita berkahwin, berumur 27 tahun)

"Sebagai seorang pekerja ladang, kamu tidak mendapat upah yang tinggi. Oleh itu sangat susah untuk menyara keluarga besar."

(Wanita bujang, berumur 38 tahun)

Responden-responden ini mengetahui akan perancang keluarga melalui jururawat-jururawat di hospital semasa bersalin. Pada kebiasaannya selepas kelahiran anak yang kedua, jururawat di hospital akan menanyakan sama ada mereka hendak mengamalkan perancang keluarga atau tidak. Selain daripada jururawat, mereka juga mengetahuinya daripada rakan-rakan sekerja(wanita). Akan tetapi ia adalah jarang sekali, apatah lagi berbincang dengan saudara mara mereka.

Kesemua responden telah mengenal pasti pil sebagai satu cara untuk merancang keluarga. Hanya tiga responden mengetahui cara-cara lain untuk merancang keluarga iaitu IUD ("Intra uterine device") dan "tubal ligation". Bagi responden-responden yang telah berkahwin, tiada yang mengamalkan perancang keluarga dengan tegasnya. Dua orang responden telah cuba memakan pil tetapi telah berhenti selepas beberapa minggu. Hal ini adalah disebabkan oleh kesan-kesan sampingan yang

dikatakan wujud dengan pemakanan pil ini.

Kesan-kesan sampingan yang wujud adalah seperti loya, pening dan mengalami kedatangan haid dua kali dalam sebulan. Oleh kerana kedatangan haid adalah dua kali dalam sebulan, mereka berasa badan mereka lemah dan kurang bermaya untuk menjalankan kerja-kerja seharian. Mereka juga tidak berjumpa dengan doktor untuk mengatasi masalah tersebut. Sebaliknya suami mereka menyuruh mereka berhenti makan pil tersebut.

Salah seorang daripada mereka ada meminta doktor untuk menjalankan "tubal ligation" (pembedahan yang mengikat salur falopio) tetapi di tolak oleh doktor. Menurut doktor dia masih muda lagi (berumur 27 tahun) dan tidak digalakkan untuk menjalani pembedahan tersebut. Secara tidak langsung ini juga menunjukkan bahawa wanita kadangkala tidak diberi peluang untuk membuat keputusan di dalam reprodktivitinya.

Walaupun klinik perancang keluarga tidak jauh dari ladang (lebih kurang 5 batu, di pekan Sungai Pelek) namun ia tidak kerap dikunjungi oleh wanita. Salah satu sebabnya ialah mereka terpaksa mengambil cuti. Ini juga bermakna kehilangan hasil pendapatan sehari. Dengan itu mereka jarang mengunjungi klinik tersebut.

Satu lagi sebab klinik ini tidak begitu diminati ialah kepercayaan masyarakat tentang topik-

topik yang berkaitan dengan seks. Mengikut cara hidup tradisional, wanita-wanita India dan kanak-kanak dilarang membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan seks secara terbuka. Apatah lagi membincangkannya dengan orang lain. Lantaran itu ramai wanita India yang masih malu, lalu enggan mengunjungi klinik tersebut.

Pengkaji boleh menggambarkan isu ini dengan lebih jelas melalui satu peristiwa yang berlaku beberapa tahun yang lalu. Jururawat terlatih ladang telah cuba menerangkan kepada seorang wanita mengenai perancang keluarga. Dia memberi wanita itu satu kondom untuk digunakan semasa melakukan hubungan seks. Akan tetapi suami wanita tidak bersetuju untuk menggunakannya. Kemudiannya dia telah memberitahu kepada lelaki lain di kedai todi mengenai perkara tersebut serta menunjukkan kondom itu kepada mereka. Hal ini telah memalukan jururawat tersebut serta menjatuhkan motivasinya untuk menasihati wanita-wanita di situ mengenai perancang keluarga.

Peristiwa ini juga menyebabkan wanita-wanita lain malu serta tidak berani untuk mendapatkan nasihat daripada jururawat mengenai perancang keluarga. Sikap masyarakat yang tidak terbuka mengenai hubungan seks telah menyebabkan beberapa wanita untuk mencari jalan penyelesaian yang tersendiri bagi kehamilan yang tidak

dikehendaki.

Menurut seorang wanita di ladang, terdapat beberapa cara untuk menggugurkan anak tanpa berjumpa dengan doktor. Pertama, ialah dengan meminum air berkarbonat (Coco-Cola) yang dicampur dengan tiga bungkus ubat serbuk cap Tiga Kaki. Kesan sampingan daripada cara ini ialah wanita itu akan menghidap penyakit gastrik.

Cara yang kedua ialah memakan nenas yang tidak dikeluarkan "matanya" seberapa banyak yang boleh. Ini juga boleh menyebabkan wanita itu menghidap penyakit gastrik.

Suatu cara lain untuk menggugurkan anak ialah juga dengan memakan rebung ubi bersama dengan gula merah. Wanita yang mengamalkan cara ini pula merungut bahawa mereka kerap kali sakit sengal otot dan ini menyebabkan mereka tidak dapat menjalankan kerja-kerja seharian dengan baik.

Cara yang terakhir merupakan salah satu cara yang paling merbahaya. Sebatang ranting "erekkum" yang berbentuk ^Y^ akan dimasukkan ke dalam rahim melalui faraj. Selepas itu ia akan menebus placenta serta menariknya keluar. Seandainya fetus adalah berumur lebih dari tiga bulan maka ranting itu boleh patah di dalam rahim. Serpihannya yang tertinggal di dalam rahim itu boleh membawa kepada maut jika tidak

dirawat dengan segera. Terdapat seorang wanita yang telah meninggal dunia apabila menggugurkan anak sebegini.

Ramai wanita menggunakan cara-cara di atas kerana pengguguran anak tidak dibenarkan oleh agama. Oleh itu ramai yang membuatnya secara senyap untuk mengelakkan orang lain daripada mengetahuinya.

Responden-responden pengkaji menyatakan bahawa mereka tidak mengamalkan cara perancang keluarga yang merbahaya ini. Walau bagaimanapun kejujuran mereka masih disangsikan memandangkan ia merupakan sesuatu yang amat peribadi. Penerangan mengenai jarak di antara anak-anak ialah, mungkin kerana kebanyakannya menyusukan sendiri anak-anak mereka ataupun sememangnya ada yang sukar untuk hamil. Ada juga responden yang mengatakan bahawa suami mereka berkompromi di dalam perhubungan seks.

Wanita-wanita muda lebih banyak berfikir untuk mengamalkan perancang keluarga melalui saluran yang sah. Pada mereka adalah lebih baik untuk mempunyai anak yang sedikit kerana dapat memberi kemudahan pendidikan yang lebih elok. Sememangnya pendapat ini dipersetujui oleh wanita yang lebih tua tetapi mereka tidak begitu lantang menyuarakannya. Hal ini adalah juga disebabkan oleh kepercayaan tradisional yang lebih kuat dipegang oleh mereka berbanding dengan

wanita-wanita yang lebih muda.

Sememangnya wanita-wanita India di ladang ini menerima perancang keluarga. Mereka juga menyedari akan kepentingan menjarakkan anak serta menghadkan bilangan anak. Namun demikian ramai yang was-was untuk mempraktikkan hak reproduktif mereka kerana khawatir suami akan memarahi mereka ataupun tidak bersetuju sama sekali. Bagi kebanyakan wanita India adalah sukar untuk melanggar arahan suami kerana khawatir suami mungkin akan mencari isteri lain.

The Isolated Life

I have built so many children,

(thinking I perform)

*and these mighty bestials
stamped by dilapidated
constitutions, then in you,
two sweet words and
infinite abounds, from
all ages, my life has been
vicarious cleavage from
leaving precariously.*

*I lived through others
not myself I have,
succeeded by gods, Sivatanandha, Ganesha,
... I have been
for this, for which
an alms,
not would have been.*

*Freedom will be tied
to my photographs, after my death,
I have no my burd-
to show as though,
a projected life I lived,
a camouflage
in innumerable deaths,
in an endeavour
to live out.*

Kesimpulan

The Immolated Life

...
I have built so many children,
grandchildren, my husband...
thinking (perforce)
I too would get built,
and these mighty bastions
stormed my dilapidated
constitution, then as now,
two sweet words and
infinite abuses, from
all ages, my life has been,
vicarious pleasure drew I,
leaving precariously.

Lived through others
not myself I have,
eulogised (by Manu, Vivekanandha, Gandhi,
... I have been
for this, for which
an elegy,
apt would have been.

Festoons will be tied
to my photographs, after my death,
incense too may burn
to show as though,
a respected life I lived,
to camouflage
my innumerable deaths,
in an endeavour
to live once.

(Singh, 1990 : 2)

Pada keseluruhannya seorang wanita India di ladang harus melalui pelbagai pengorbanan demi kesejahteraan keluarganya. Malangnya, kerap kali pengorbanannya tidak mendapat penghargaan yang setimpalnya oleh mana-mana pihak. Kajian ini adalah untuk melihat sama ada wanita-wanita India mempunyai sebarang hak reproduktif.

Hasil kajian mendapati bahawa wanita-wanita India di ladang tidak mempunyai hak reproduktif sepenuhnya. Ketiga-tiga aspek yang telah diperbincangkan untuk mengenalpasti akan hak ini, jelas menunjukkannya.

Perkahwinan merupakan satu langkah yang besar di dalam kehidupan seorang wanita. Sepertimana yang telah dikatakan di dalam Bab 4 setiap ibu bapa akan cuba mengahwinkan anak gadis mereka seawal yang boleh. Akan tetapi jarang sekali pandangan ataupun persetujuan wanita akan bakal suaminya diterima oleh ibu bapa. Hal ini secara jelasnya menafikan hak wanita ke arah reproduktiviti mereka.

Pengkaji mengaitkan perkahwinan dengan reproduktiviti kerana lazimnya perkahwinan merupakan satu langkah pertama untuk melahirkan anak secara sah dan diterima umum. Hal ini telah dibuktikan lagi dengan beberapa jawapan yang diberi akan sebab seseorang

wanita itu berkahwin, di samping sebab-sebab lain. Di dalam masyarakat India perkahwinan merupakan satu jaminan untuk meneruskan sesebuah generasi ataupun warisan. Justeru itu peranan wanita di dalam perkahwinan sememangnya tidak akan lari daripada fungsi reproduktif.

Seorang wanita harus bersuara di dalam pemilihan jodohnya agar dapat menjalani kehidupan rumah-tangga yang harmoni dan saling faham-memahami diri masing-masing. Pemahaman ini adalah penting untuk mengambil keputusan di dalam urusan rumahtangga. Sekiranya persefahaman wujud di dalam sesuatu rumah-tangga maka sebarang keputusan yang diambil tidak akan membebankan peranan wanita sebagai seorang isteri dan ibu.

Apa yang dapat dilihat di sini ialah kebanyakan wanita ini berkahwin dengan pilihan ibu bapa. Di dalam urusan rumahtangga pula, hampir semua wanita akan mengatakan bahawa keputusan adalah diambil secara bersama. Meskipun begitu, pada hakikatnya suami masih lagi mempunyai kata putus di dalam sebarang hal.

Walaupun wanita berpendapat bahawa dia berhak untuk menegur suami jika mengambil keputusan yang salah serta mengingkarinya, namun ramai yang tidak boleh berbuat apa-apa jika suaminya bertegas dengan

pendiriannya. Seandainya diingkari juga, ia bermakna mereka tidak menghormati suami mereka. Ia adalah selaras dengan kepercayaan agama Hindu bahawa suami adalah diibaratkan sebagai tuhan dan seorang isteri haruslah patuh kepada kehendaknya. Lantaran itu adalah sukar untuk seorang wanita mengingkari suaminya.

Kasih sayang juga merupakan sesuatu yang amat subjektif. Sajak Konai Helu Thaman jelas menunjukkan bahawa seorang wanita akan berkahwin dengan lelaki pilihan ibu bapanya. Malangnya lelaki tersebut tidak dapat mengenali akan diri wanita itu yang sebenarnya. Hanya yang dilihat ialah satu senyuman dan ketaatan yang kepura-puraan kerana wanita tiada pilihan lain. Oleh itu dia memasuki alam perkahwinan dengan memainkan watak yang lain dan bukan dirinya sendiri.

Satu pembaharuan yang memberangsangkan di ladang ini ialah saiz keluarga yang bertambah kecil. Kebanyakannya adalah terdiri daripada tiga atau empat orang anak dan hanya sebilangan kecil yang mempunyai lima atau enam orang anak.

Apa yang lebih disenangi lagi ialah adanya kesedaran di kalangan wanita-wanita di ladang ini akan kepentingan untuk membesarkan anak-anak di dalam keadaan yang lebih memuaskan. Walau bagaimanapun kesedaran wanita ini juga haruslah diiringi dengan kerjasama daripada pihak suami.

Di dalam membuat keputusan untuk menentukan bilangan anak pula sebahagiannya mengambil keputusan secara bersama dengan suami. Manakala yang lainnya pula menyerahkan keputusan tersebut kepada suami mereka. Walau apa cara pun si suami kini sedari akan taraf sosioekonomi keluarga dan cuba bekerjasama di dalam mengekalkan bilangan anak yang sedikit.

Meskipun begitu wanita masih tidak sepenuhnya diberi kebebasan untuk memberi kata putus di dalam aspek "childbearing", apatah lagi jarak di antara anak-anak. Kata putus yang terakhir masih di tangan suami, dan isteri enggan mengingkarinya kerana tidak mahu dianggap sebagai tidak menghormati suaminya. Kebebasan untuk memberi kata putus ini harus diberi kerana ia mempunyai kaitan yang rapat dengan kesihatan wanita.

Kelahiran anak sulung sememangnya dinantikan, tetapi pada masa yang sama ia merupakan satu pengalaman yang meyakinkan. Tambahan pula wanita-wanita ini juga akan mula bekerja dan membuat kerja-kerja rumah hanya beberapa hari setelah melahirkan anak. Selain itu ia juga memerlukan wanita yang menyusukan sendiri anaknya untuk melakukan beberapa penyesuaian agar dapat bekerja serta menjaga anaknya. Justeru itu wajarlah sekiranya wanita memberi kata

putus di dalam hal-hal yang berkaitan dengan reproduktivitasnya.

Perancang keluarga mendapat perhatian daripada wanita-wanita India di ladang ini sebagai satu cara untuk menghadkan bilangan anak. Mereka tidak mempunyai sebarang bantahan terhadap diri mereka ataupun orang lain yang melakukannya. Namun demikian mereka masih was-was di dalam mendekati kelinik perancang keluarga. Di antara sebabnya ialah mereka terpaksa mengambil cuti sehari untuk pergi ke kelinik tersebut dan ini bermakna kehilangan pendapatan seharian. Sebab lain ialah wanita-wanita ini masih segan untuk membincangkan hal-hal yang berkait dengan seks kepada orang luar ataupun saudara maranya sendiri.

Sikap segan dan malu ini juga kerap kali mendorong wanita-wanita tersebut untuk mengamalkan perancang keluarga (ataupun lebih tepat menggugurkan anak) dengan cara tersendiri. Cara-cara yang terdiri daripada memakan nenas, rebung ubi dengan gula merah, meminum bancuhan Coca-Cola dan ubat serbuk cap tiga kaki, serta menggunakan ranting "erekum" mempunyai kesan-kesan sampingan yang memudaratkan. Penggunaan ranting "erekum" yang tidak dilakukan dengan berhati-hati boleh meragut nyawa.

Kesemua ini menunjukkan wanita masih tidak dapat bersuara dengan penuh di dalam reproduktivitasnya

kerana pandangan masyarakat terhadap isu-isu yang berkaitan dengan seks. Natiyah itu seorang wanita sanggup membahayakan nyawanya sendiri untuk mempraktikkan hak reproduktifnya secara terselindung.

Cara-cara Untuk Meningkatkan Hak Reproduksi Di Kalangan Wanita India Di Ladang.

Wanita-wanita India harus diberi kesedaran akan kepentingan reproduktiviti mereka. Di ladang ini tiada pertubuhan wanita yang aktif di dalam memperjuangkan persoalan-persoalan yang berkaitan dengan hak wanita. Wanita MIC pula hanya wujud di atas nama sahaja dan ia tidak berfungsi langsung.

Pertubuhan wanita boleh memberi seminar dan ceramah akan hak-hak wanita di dalam "childbearing" dan perancang keluarga serta aspek-aspek lain yang berkaitan dengan reproduktiviti mereka, yang boleh menjejaskan kesihatan mereka. Seminar dan ceramah ini juga harus dibuka kepada suami wanita-wanita tersebut. Dengan itu mereka akan dapat lebih memahami kenapa wanita harus mempunyai hak reproduktif dan memberi kerjasama.

Dengan adanya seminar-seminar ini ia bukan sahaja akan meningkatkan kesedaran wanita tentang hak

reproduktifnya tetapi juga nilai kendirinya. Wanita-wanita ini akan berasa dirinya layak untuk mengambil sebarang keputusan di dalam reprodktivitinya.

Pihak pengurusan ladang juga harus memainkan peranannya di dalam hal ini. Wanita-wanita harus menerima cuti yang bergaji untuk mengunjungi kelinik perancang keluarga kerajaan. Dengan itu lebih ramai lagi wanita akan dapat menggunakan perkhidmatan perancang keluarga.

Sepertimana yang telah dikatakan sebelum ini wanita-wanita mengalami kesakitan semasa melahirkan anak yang sulung. Oleh itu pihak pengurusan boleh memberi cuti bersalin yang lebih untuk wanita-wanita tersebut sembuh. Cuti ini juga seeloknya yang bergaji penuh ataupun separuh untuk mengelakkan wanita tersebut keluar bekerja di atas desakan keadaan kewangan keluarganya.

Perkhidmatan pengangkutan juga boleh disediakan oleh pihak pengurusan untuk wanita-wanita tersebut pulang pada masa-masa yang tertentu untuk menyusukan anak mereka. Pihak pengurusan sepatutnya bertanggungjawab di atas kebajikan pekerjaanya juga dan bukan hanya berpuas hati dengan kemudahan-kemudahan asas yang telah disediakan.

Pihak kerajaan juga seharusnya bekerjasama dengan pihak pengurusan ladang dalam memberi perkhid-

matan kesihatan yang lebih baik kepada wanita-wanita di ladang ini. Lazimnya pihak kerajaan sebolehnya tidak akan bercampur tangan di dalam hal ehwal ladang kerana ia dipunyai oleh syarikat swasta. Ini bukanlah suatu langkah yang baik kerana penghuninya merupakan rakyat Malaysia juga.

Kementerian Kesihatan bolehlah menyediakan satu perkhidmatan perancang keluarga yang bergerak. Pegawai perubatan bagi perancang keluarga boleh melawat ladang ini sekali dalam sebulan untuk menyenangkan wanita-wanita di ladang ini menggunakan perkhidmatan kesihatan keluarga. Dengan itu merancang keluarga dengan cara yang tersendiri dan merbahaya pula boleh dielakkan.

Akhir sekali pandangan masyarakat India di ladang terhadap kaum wanitanya haruslah diubah, yang sememangnya bukanlah sesuatu yang mudah. Masyarakat harus memberi kepentingan yang sama kepada lelaki dan wanita. Ini memanglah suatu keadaan ideal yang sukar untuk dimaterialisasikan.

Walau bagaimanapun pandangan masyarakat terhadap wanita ini ada berubah sedikit. Ibu bapa kini memberi peluang pendidikan yang sama kepada anak-anak perempuan di mana kebanyakannya kini lebih rajin belajar daripada anak-anak lelaki. Anak-anak perempuan juga diberi kebenaran untuk keluar bekerja. Soal

perkahwinan juga tidak difikirkan sejurus selepas mereka baligh. Sebaliknya hanya difikirkan selepas berumur dua puluh satu tahun. Di harapkan bahawa tanggapan masyarakat tentang peranan dan tanggungjawab wanita di dalam reprodktiviti akan turut berubah. Perubahan ini boleh membawa kepada perubahan yang lebih signifikan di dalam pemerolehan hak-hak reprodktif wanita India di ladang ini.

3. Anker, R & M. (1982) Reproductive Behaviour in Households of Rural Gujarat, Concept Pub. Co. Delhi.
4. APDC. (1989) Asia Pacific Women's Resource Collection Network. APDC.
5. Bott, E. (1957) Family and Social Network. Tavistock Publication.
6. Dehstrom, E. (1957) The Changing Role of Men and Women. International Publishers.
7. Das, R.N. (1982) Women in Manu and his Seven Commentators. Kanchana Publications.
8. DeSarda, A. (1988) Women in Contemporary India and South East Asia. Ramesh Jain Manohar Publication.
9. Engels, F. (1972) The Origin of Family, Private Property and the State. International Publishers.
10. Sardhi, M.K. (1945) Women and Social Injustice. Jivanji Daliyabhai Desai Navajivan Publishing House.
11. Gross, E. (1972) Role University Press Cambridge.

BIBLIOGRAFI

BUKU

1. Abhedananda, S. (1963) **India and her people.** Ramakrishna Vedanta Math, Madras.
2. Amana Soonthorndhada et al (1987) **A Time Allocation Study on Rural Women: An Analysis of Productive and Reproductive Role.** Mahidol University, Thailand.
3. Anker, R & M. (1982) **Reproductive Behaviour in Households of Rural Gujarat.** Concept Pub.Co, Delhi.
4. APDC. (1989) **Asia Pacific Women's Resource Collection Network.** APDC.
5. Bott, E. (1957) **Family and Social Network.** Tavistock Publication.
6. Dahlstrom, E. (1967) **The Changing Role of Men and Women.** International Publishers.
7. Das.R.M. (1962) **Women in Manu and his Seven Commentators.** Kanchana Publications.
8. DeSouza, A. (1980) **Women in Contemporary India and South East Asia.** Ramesh Jain Manohar Publication.
9. Engels, F. (1972) **The Origin of Family, Private Property and the State.** International Publishers.
10. Gandhi, M.K. (1945) **Women and Social Injustice.** Jivanji Daliyabhai Desai Navajivan Publishing House.
11. Gross, E. (1972) **Role** University Press Cambridge.

12. _____ (1958) **Work and Society** The Thomas Y.Crowell Company New York.
13. Jagger, A.M et al (1989) **Gender/Body/Knowledge : Feminist Reconstructions of Being & Knowing.** New Brunswick Rutger University Press.
14. Kapadia, K.M. (1958) **Marriage and Family in India.** Oxford University Press.
15. King, U. (1980) "The Status of Image of Women In Some Major Religious Traditions", dalam **Women in Contemporary India & South East Asia.** diedit oleh Alfred DeSouza, Ramesh Jain Manohar Publication.
16. Lee, R.D. (1990) **Population Growth, Externalities to Childbearing & Fertility Policy in the Third World.** WHO.
17. Mahmoud F.Fathalla et al, (1990) **Reproductive Health: Global Issues** vol 3, Parthenon Publishing Group Ltd.
18. Mclean, S. (1992) **Law Reform and Human Reproduction.** Dartmouth Pub.Co.Ltd.
19. Moore, H. (1988) **Feminism and Anthropology.** Cambridge Polity Press.
20. Singh, I.P. (1990) **Indian Women : The Captured Beings.** Intellectual Publishing House.
21. Singh, K.S. (1969) **Indian's in Malaya Some Aspects of their Immigration and Settlement (1786 - 1957).** Cambridge University Press.
22. Siti Hasmah. (1985) **Wanita dan Adat dan Kesehatan.** Dewan Bahasa Dan Pustaka.
23. Walter. (1934) **Dictionary of Psychology**

24. WHO. (1990) Research in Human Reproduction. WHO.

Jurnal

1. Balakrishnan & Hasbullah hj. Hussein. (1976) "Breastfeeding in Kelantan", *Medical Journal of Malaysia*.
2. Kandiah N & J.B.Lim. (1977) "Nutrition Status in a Rural Estate Community", *Medical Journal of Malaysia*, Vol 30, No.4.
3. Mirnalini Kandiah. (1982) "A Review of the Nutritional Status of the Indian in Peninsular Malaysia," *The Family Practitioner*. Vol 5, NO.3.
4. Mitchell, J. (1976) "Women ; The Longest Revolution," *New Left Review*. No.40, Nov - Dec.
5. Oritz, K.R. (1985) "Mental Health Consequences of Life History Method : Implications from a Refugee Case", *Ethos*, Vol 13, No.2.
6. Teoh, S.K. (1971) "Breastfeeding in Singapore", *Medical Journal of Malaysia*.

Tesis

1. Koay, Meera. (1982) *The Morbidity Pattern of Indians Children in a Rubber Estate and its Environment to Cultural Practices and Environmental Sanitations.* Sarjana dalam "Public Health", Universiti Malaya.
2. Kunaletchumy Poopalasingham. (1982) *A Study of the Knowledge, Attitudes & Practices of Family*

Planning Among Married Indian Women : A Comparative Study of two Estates in Selangor. Sarjana dalam "Public Health", Universiti Malaya.

3. Sarojini Devi. (1971) **Social Economic Aspects of Indian Women Plantation Workers.** Latihan Ilmiah bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

Fakultas Pengurusan (SAC/MI)

Program Studi Sarjana

Pengantar

1. Pengantar	2. Pengantar	3. Pengantar	4. Pengantar	5. Pengantar
6. Pengantar	7. Pengantar	8. Pengantar	9. Pengantar	10. Pengantar
11. Pengantar	12. Pengantar	13. Pengantar	14. Pengantar	15. Pengantar
16. Pengantar	17. Pengantar	18. Pengantar	19. Pengantar	20. Pengantar
21. Pengantar	22. Pengantar	23. Pengantar	24. Pengantar	25. Pengantar
26. Pengantar	27. Pengantar	28. Pengantar	29. Pengantar	30. Pengantar
31. Pengantar	32. Pengantar	33. Pengantar	34. Pengantar	35. Pengantar
36. Pengantar	37. Pengantar	38. Pengantar	39. Pengantar	40. Pengantar
41. Pengantar	42. Pengantar	43. Pengantar	44. Pengantar	45. Pengantar
46. Pengantar	47. Pengantar	48. Pengantar	49. Pengantar	50. Pengantar